



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
EOON BIN SHUHAINI  
PENGARAH TELEVISYEN MALAYSIA**

**OLEH:**

**NURUL ALIS BINTI RAMAN@SHARIF      2021572467**

**MARIAH ASYIKIN BINTI ABD RAHMAN      2021306453**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2022 - OGOS 2022)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
EOON BIN SHUHAINI  
PENGARAH TELEVISYEN MALAYSIA**

**OLEH:**

<b>NURUL ALIS BINTI RAMAN@SHARIF</b>	<b>2021572467</b>
<b>MARIAH ASYIKIN BINTI ABD RAHMAN</b>	<b>2021306453</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)**

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulilah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat kami menyempurnakan tugasan berkumpulan kajian Seniman Veteran Seri Warisan.

Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang telah menolong dan memberi Kerjasama yang tidak ternilai untuk kami menyiapkan kajian ini. Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu, Puan NurulAnnisa Abdullah. Beliau telah memberikan panduan, bimbingan serta nasihat yang sungguh berfaedah semasa kami menjalankan kajian ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa kami yang telah memberikan dorongan dan sokongan kepada kami. Rakan-rakan seperjuangan yang telah menolong kami dalam usaha menyiapkan tugasan ini serta bersama-sama mencari bahan yang berfaedah untuk menyelesaikan tugasan ini. Tidak dilupakan juga kepada tokoh seniman pilihan kami iaitu Encik Eoon Shuhaini, kerana sudi menerima jemputan temubual ini.

Akhir kata, ucapan ini juga ditujukan kepada semua yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan tugasan ini. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan serta dorongan mereka semua, tugasan ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
BMW	Bavarian Motor Works
DFKL	Drama Festival Kuala Lumpur
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional
KL	Kuala Lumpur
MIG	Metrowealth International Group
RTM	Radio Televisyen Malaysia
S.A.W.	Sallallahu Alaihi Wasallam
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SPM.	Sijil Pelajaran Malaysia
S.W.T.	Subhanahu Wa Ta'ala
TV	Televisyen
VCD	Cakera Padat Video

## **SENARAI SINGKATAN**

ES : Eoon bin Shuhaini

MA : Mariah Asyikin binti Abd Rahman

NA : Nurul Alis binti Raman@Sharif

## **RUJUKAN KATA**

Gawat	Kegawatan
Heran	Hairan
Karenah	Ragam
Penglipur lara	Penggiat seni
Veteran	Orang yang telah banyak pengalaman
Merangkul	Merangkum
Menambat hati	Memukau
Dirakul	Diambil
Mengorak	Memulakan
Alam maya	Realiti Maya
Inspirasi	Ilham
Peneroka	Membuka atau mengkaji sesuatu
Karya	Ciptaan
Freelance	Pekerjaan yang bergerak secara bebas
Aliran	Jurusan
Dikecapi	Dicapai
Leukemia	Nama penyakit (sel darah putih)
Dysxlesia	Nama penyakit (kesukaran membaca)
Menyelidiki	Mengkaji sesuatu
Persada dunia	Antarabangsa
Quershi	Arahan/Jawapan dari sesebuah pihak
Kolaboratif	Kerjasama
Perspektif	Pemikiran
Persepsi	Gambaran/Pandangan
Inovatif	Mencari jalan menghasilkan sesuatu produk
Generasi	Kumpulan individu yang lahir pada waktu yang sama

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	i
<b>SENARAI ABREVIASI.....</b>	ii
<b>SENARAI SINGKATAN.....</b>	iii
<b>RUJUKAN KATA .....</b>	iv
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	v
<b>ABSTRAK .....</b>	1
<b>BIODATA PENEMU BUAL.....</b>	3
<b>BIODATA TOKOH.....</b>	6
PENGENALAN TOKOH .....	8
<b>SEJARAH LISAN .....</b>	11
PENGENALAN.....	12
OBJEKTIF.....	13
KEPENTINGAN .....	14
<b>KAJIAN LITERATUR .....</b>	15
<b>TRANSKRIP.....</b>	19
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH .....	20
BAHAGIAN 2 - LATAR BELAKANG KELUARGA, PASANGAN DAN ANAK-ANAK .....	24
BAHAGIAN 3 - SEJARAH PENDIDIKAN KANAK-KANAK, SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENENGAH, UNIVERSITI .....	29
BAHAGIAN 4 – PENGALAMAN KERJAYA .....	43
BAHAGIAN 5 - PENDAPAT DAN PANDANGAN.....	56
BAHAGIAN 6 – SUMBANGAN.....	62
BAHAGIAN 7 - PESANAN DAN HARAPAN .....	65

LOG TEMUBUAL .....	67
RALAT .....	73
GLOSARI .....	75
INDEKS .....	77
BIBLIOGRAFI .....	83
LAMPIRAN .....	86
11.1 BIOGRAFI TOKOH .....	87
11.2 SURAT PERJANJIAN .....	88
11.3 SENARAI SOALAN .....	90
11.4 DIARI PENYELIDIKAN .....	96
11.5 BAHAN-BAHAN PENYELIDIKAN .....	100

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

*Kajian ini adalah antara pelajar dan bersama tokoh Encik Eoon Shuhaini, seorang pengarah televisyen yang terkenal di Malaysia. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui latar belakang beliau dalam dunia seni sebagai pengarah dengan lebih terperinci. Temubual bersama beliau dijalankan secara alam maya melalui penggunaan platform “Google Meet”. Tarikh temubual adalah pada 9 Julai 2022 bermula pada jam 9.00 malam hingga 12.00 pagi. Encik Eoon Shuhaini memulakan perjalanan kerjaya beliau sebagai Krew Produksi di HVD Entertainment pada tahun 1995 sehingga tahun 1997. Kemudian, beliau meneruskan kerjaya sebagai Krew Produksi (Pengarah Seni dan Kesinambungan) secara bebas dari tahun 1998 sehingga tahun 2006 tanpa terikat dengan mana-mana syarikat produksi. Seterusnya, pada tahun 2007 hingga 2010, beliau telah mengorak langkah dalam bidang seni sebagai Pembantu Pengarah secara bebas dan telah berhasil menghasilkan beberapa drama, VCD dan sebagainya. Akhir sekali, pada tahun 2010 sehingga kini, beliau telah berjaya merangkul posisi sebagai Pengarah. Pengarah berbakat ini iaitu En. Eoon Shuhaini dilahirkan pada 20 Mei 1977. Kebanyakan tayangan filem dan drama yang dihasilkan oleh beliau telah berjaya menambat hati ramai peminat filem dan drama di Malaysia. Pelbagai pencapaian telah dirakuk oleh beliau seperti Anugerah Rating Tertinggi untuk beberapa drama seperti ‘Love You Mr Arrogant’, ‘Pujaan Hati Kanda’ dan lain-lain lagi. Selain itu, beliau juga telah berjaya mendapat anugerah seperti Anugerah Drama Terbaik, Pencalonan Drama Terbaik serta Pencalonan Pengarah Terbaik. Pencapaian dan kejayaan yang telah beliau miliki dapat dijadikan inspirasi oleh masyarakat.*

*Kata kunci:* Eoon Shuhaini, pengarah, filem, drama, dunia seni, inspirasi.

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## **BIODATA PENEMUBUAL**



*Gambar 1: Penemubual 1*

Nama : Nurul Alis binti Raman@Sharif  
Tarikh Lahir :  
Tempat Lahir : Membaca novel  
Alamat : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian)

Nombor Telefon

Emel

Hobi

Kursus

Pengurusan Sistem Maklumat UiTM Machang, Kelantan



*Gambar 2: Penemubual 2*

Nama : Mariah Asyikin binti Abd Rahman  
Tarikh Lahir :  
Tempat Lahir : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian)  
Alamat :  
Nombor Telefon :  
Emel :  
Hobi :  
Kursus :

Pengurusan Sistem Maklumat UiTM Machang, Kelantan

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



Gambar 1: Eoon Shuhaini

Nama	:	Eoon bin Shuhaini
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	Perak
Alamat	:	No. Selangor
	:	
Nombor Telefon	:	
Emel	:	Berbasisikal dan berkhemah
Hobi	:	<b>1984 - 1989</b> Sekolah Rendah Kebangsaan Sri Changkat, Air
Pendidikan		Kuning, <b>1990 - 1991</b> Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda, Teluk Intan, Perak <b>1992</b> Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak, Teluk Intan, Perak <b>1993 – 1994</b> Sekolah Menengah Vokasional Taipin, Perak <b>2020</b> Diploma in Film Directing Coordination Kolej Meatech, Kuala Lumpur

## PENGENALAN TOKOH

Eoon bin Shuhaini atau lebih dikenali sebagai Abang atau Zairul dikalangan keluarga dilahirkan di , Perak. Beliau dilahirkan pada bersamaan dan kini menetap di Kuala Lumpur. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang sederhana. Ayahnya beliau, Shuhaini bin Mat Said merupakan seorang peneroka kelapa sawit di Kampung Air Dusun, Perak dan ibunya pula hanya seorang suri rumah yang kadangkala mengambil tempahan membuat kuih-muih. Ibu bapa beliau telah meninggal dunia pada tahun 1997 dan tahun 1999. Beliau merupakan anak ke empat daripada enam orang adik-beradik yang terdiri daripada dua orang perempuan dan empat orang lelaki. Beliau juga menyatakan bahawa beliau suka dengan aktivi luar seperti berbasikal dan berkemah sebagai hobi. Tambahan lagi, negara Turki adalah negara yang ingin dilawati beliau bertujuan untuk mendekatkan diri dengan sejarah dan melihat barang-barang peninggalan Rasulullah S.A.W.

Pada tahun 2007, beliau mendirikan rumah tangga bersama isteri tercinta iaitu Rahimah binti Ali yang merupakan bekas setiausaha di sebuah pejabat guaman di Kuala Lumpur. Hasil daripada perkawinan tersebut, beliau dikurniakan lima orang cahaya mata terdiri daripada dua orang perempuan dan tiga orang lelaki. Anak pertama beliau Nur Afinah binti Nordin merupakan anak angkat kedua pasangan ini dan berumur 23 tahun. Cahaya mata beliau dan isterinya adalah Mohammad Emir Rayyan yang berumur 14 tahun, Mohammad Emir Khalif yang berumur 12 tahun. Nur Isya Ilinya yang berusia 11 tahun dan yang terakhir adalah Mohammad Emir Zaqib yang berumur enam tahun.

Pengarah televisyen Tanah Air ini memulakan jejak langkah dalam bidang seni hiburan sejak tahun 1995. Memulakan kerjaya beliau sebagai Kru Pengeluaran di bawah Jabatan Melayu di HVD Entertainment pada tahun 1995 sehingga tahun 1997. Kemudian, beliau meneruskan langkah sebagai Kru Pengeluaran (Pengarah Seni dan Kesinambungan) secara “Freelance” bermula pada tahun 1998 sehingga tahun 2006. Sepanjang kerjaya beliau sebagai Kru Pengeluaran yang bergerak secara bebas, pelbagai drama telah berjaya diterbitkan oleh beliau. Antaranya adalah, drama bertajuk ‘Hanya Dikau’, ‘Kahwin

Kontrak’, ‘Aku Terima Nikahnya’, ‘Cinta Gila’, ‘Iris’ dan banyak lagi. Minat dan kesungguhan beliau dalam bidang seni hiburan telah membuatkan beliau mengorak langkah sebagai seorang pembantu pengarah yang bergerak secara bebas bermula pada tahun 2007 sehingga tahun 2010. Usaha serta kegigihan beliau dalam menempuh pelbagai rintangan dan cabaran bagi meningkatkan kualiti serta kemahiran beliau dalam bidang pengarahan telah berjaya menjadikan beliau melangkah maju sekaligus menjadikan beliau sebagai seorang pengarah. Kerjaya sebagai seorang pengarah bermula pada tahun 2010.

Langkah yang berterusan dalam mengasah bakat serta kemahiran dalam mengarahkan suatu jalan cerita telah dibuktikan dengan beberapa hasil kreatif oleh beliau seperti ‘Cinta Buat Emelda’, ‘Suamiku Jururawat’, ‘Love You Mr Arrogant’, ‘Astana Cinta Aleesa’, ‘Hidayahmu Ramadhan’, ‘Pujaan Hati Kanda’, ‘Pengantin Satu Malam’ dan banyak lagi. Selain itu, beliau telah menempa kecemerlangan dalam bidang seni hiburan telah menjadikan beliau berjaya merangkul beberapa anugerah tempatan. Sebagai contoh,

#### **PENARAFAN TERTINGGI UNTUK DRAMA**

1. Love You Mr Arrogant (Akasia - TV3) - 2013
2. Astana Cinta Aleesa (TV9) - 2015
3. Cinta Masam Manis (Akasia - TV3) - 2016
4. Andainya Takdir 2 (Samarinda - TV3) - 2018
5. Pujaan Hati Kanda (Akasia - TV3) - 2018

#### **ANUGERAH DRAMA TERBAIK**

1. Love You Mr Arrogant - DFKL 2015 (Drama Terbaik)
2. Hidayahmu Ramadhan - Anugerah Skrin 2015 (Drama Rantaian Terbaik)
3. Bahagia Bukan Bidaan - Anugerah Telenovela 2019 (Drama Telenovela Terbaik)

## **PENCALONAN ANUGERAH DRAMA TERBAIK**

1. Astana Cinta Aleesa - Anugerah Skrin 2015 (Drama Rantaian Terbaik)
2. Cinta Masam Manis - Dfkl 2017 (Tonton)
3. Nahu Rindu - Dfkl 2017 (Tonton)
4. Nasi Minyak Kuah Cinta - Dfkl 2017 (Tonton)
5. Andainya Takdir 2 - Dfkl 2018 (Drama Rantaian Terbaik)
6. Pujaan Hati Kanda - Anugerah Melodi Drama Sangat 2020
7. Camelia - Anugerah Melodi Drama Sangat 2020
8. Pengantin Satu Malam - Anugerah Melodi Drama Sangat 2020

## **PENCALONAN ANUGERAH PENGARAH TERBAIK**

1. Love You Mr Arrogant - DFKL 2013
2. Hidayahmu ramadhan - DFKL 2015
3. Andainya takdir 2 - DFKL 2018
4. Pujaan Hati Kanda - Anugerah Melodi Drama Sangat 2020
5. Camelia - Anugerah Melodi Drama Sangat 2020
6. Pengantin satu malam - Anugerah Melodi Drama Sangat 2020

Walaupun, tidak mempunyai sumbangan yang banyak dalam dunia seni hiburan serta pengarahan tetapi semangat serta usaha beliau dalam memajukan industri seni tanah air harus diberikan pujian. Prinsip serta harapan diri menjadikan beliau seorang yang tidak berputus asa dalam melakukan sesbuah perkara demi mendapatkan hasil yang terbaik. Hingga kini, beliau masih meneruskan bakat serta kerjaya beliau dalam dunia pengarahan dan meneruskan sumbangan beliau dalam menghasilkan karya-karya tempatan sehingga mampu mampu menempah nama ke peringkat persada dunia.

# **SEJARAH LISAN**

## PENGENALAN

Industri perfileman kini telah memberi impak yang besar terutama kepada industri hiburan tanah air. Bahkan industri perfileman juga adalah penyumbang terbesar kepada status pendapatan negara. Menurut (*PROFILEMANMALAYSIA*, 2009), di Tanah Melayu, filem pertama kali yang di perkenalkan kepada umum pada tahun 1898 apabila penjajah Inggeris menayangkan sebuah filem dokumentari-berita (newsreel) berjudul Diamond Anivessary Celebration of Queen Victoria. (*PROFILEMANMALAYSIA*, 2009). Namun, hari demi hari, kemajuan industri perfileman bergerak seiring dengan arus perkembangan era globalisasi serta kemajuan dalam penghasilan sesebuah filem dan telah menunjukkan bahawa industri perfileman telah mencapai kemajuan dari segi sinematografi yang lebih moden dan sebagainya. Pelbagai filem dan drama tempatan yang telah berjaya menapak nama ke peringkat persada dunia bahkan telah berjaya merangkul pelbagai anugerah. Kajian ini dijalankan bertujuan menyelidiki tentang latar belakang veteran dalam bidang ini, iaitu seorang Pengarah filem dan drama Malaysia, Encik Eoon Shuhaini. Kajian ini dilakukan untuk berkongsi pengetahuan kepada generasi muda berkaitan pengalaman, jasa dan sumbangan beliau sebagai pengarah televisyen tanah air.

## **OBJEKTIF**

Tujuan utama kajian sejarah lisan ini dijalankan adalah untuk mengetahui latar belakang kehidupan dan pengalaman Encik Eoon Shuhaini sebagai seorang pengarah televisyen popular Malaysia yang bergiat secara aktif dalam menghasilkan karya-karya tempatan melalui drama-drama yang disiarkan di televisyen tempatan. Berikut adalah objektif kajian ini dijalankan:

1. Untuk mengkaji tentang latar belakang pengarah tanah air iaitu Encik Eoon Shuhaini.
2. Untuk menganalisa pengalaman, sumbangan serta pencapaian Encik Eoon Shuhaini dalam industri perfilman Malaysia.
3. Untuk mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai pengalaman sertaperjalanan seni Encik Eoon Shuhaini melalui temubual.

## **KEPENTINGAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenali tokoh veteran Malaysia iaitu Encik Eoon Shuhaini, yang merupakan pengarah filem dan drama yang terkenal di Malaysia. Kajian ini juga untuk mengenalpasti pencapaian dan sumbangan yang telah berjaya dirangkul oleh beliau iaitu Encik Eoon Shuhaini dan menilai sifat dan motivasi beliau dalam memastikan kemajuan dan kejayaan yang beliau yang bakal dikecapi sepanjang berada dalam industri hiburan ini. Selain itu, terdapat juga persoalan yang akan dikupas seperti apakah pandangan serta sifat dan motivasi beliau untuk mencapai kemajuan dalam industri perfileman ini dan apakah implikasinya kepada pemasaran industri filem tempatan untuk memantapkan lagi industri perfileman sehingga dapat dikenali ke peringkat antarabangsa. Penyelidikan ini mampu memberi faedah seperti pengetahuan mengenai bidang seni, motivasi, liku-liku perjalanan serta inspirasi dalam membentuk kejayaan seseorang dalam sesuatu bidang serta pesanan yang mampu mengubah perspektif pemikiran kepada yang lebih nasional kepada masyarakat tanpa mengira umur serta mengenali dengan lebih mendalam mengenai seorang pengarah veteran Malaysia.

# **KAJIAN LITERATUR**

## KAJIAN LITERATUR

Pengarahan drama atau filem merupakan seseorang yang menjadi ketua atau pemimpin untuk kesenian sebuah drama atau filem (ScreenSkills, 2022). Sepanjang jalan melalui pra-pengeluaran dan penyuntingan akhir, mereka mengekalkan visi artistik. Pengeluar eksekutif atau pengeluar, yang mengawal projek pada akhirnya, menggaji mereka. Bekerja dengan penulis skrip dan kadangkala pasukan penyunting skrip, pengarah bermula dengan skrip. Ia kerap berlaku untuk pembuat filem juga membuat lakon layar.

Adalah menjadi tugas seorang pengarah untuk membayangkan skrip dalam bentuk visual. Sebaik sahaja produksi telah mengumpulkan wang tunai yang diperlukan, sama ada melalui penajaan atau duit produksi, mereka bekerjasama rapat dengan pengeluar untuk melantik ketua jabatan, seperti pengarah fotografi, penolong pengarah dan pereka produksi. Mereka kemudian bekerjasama dengan penerbit dan pengarah pelakon untuk memilih pelakon dan dengan pengarah fotografi untuk membangunkan gaya penggambaran, termasuk nota tentang tangkapan kamera dan perubahan skrip. Sesetengah pengarah berlatih pelakon sebelum penggambaran, walaupun tidak semua melakukannya. Mereka 'menyekat' persembahan dengan pelakon sebelum penggambaran bermula, bermakna mereka membuat koreografi di mana pelakon diletakkan, di mana mereka akan berpindah ke sepanjang syot dan bagaimana mereka akan menyampaikan dialog mereka.

Pada masa yang sama, seorang pengarah juga akan memberi arahan kepada ahli krew lain, terutamanya penyelia lampu, almari pakaian dan alat solek. Pengarah berusaha untuk mendapatkan persembahan terbaik daripada pelakon tetapi juga perlu memastikan bahawa semua aspek teknikal disediakan untuk mendapatkan penggambaran adegan yang hebat. Selepas penggambaran, mereka mengetuai penyuntingan filem, menyediakan 'potongan pengarah'. Pemotongan itu akan disemak oleh pengeluar dan pembiaya sebelum menandatangi pemotongan terakhir. Pengarah boleh diambil bekerja oleh penyiar TV, syarikat penerbitan filem atau televisyen, atau bekerja secara bebas.

Apakah yang pengarah mahir, seseorang pengarah seharusnya mahir dalam kepimpinan, seorang pengarah filem atau drama perlu berkongsi visi filem dengan pelbagai

orang dari jabatan yang berbeza, memberi inspirasi kepada mereka untuk melakukan kerja terbaik mereka, mengurus pelakon dan kru, membuat keputusan kreatif. Mereka juga seharusnya mempunyai imaginasi yang tinggi untuk membayangkan filem yang anda ingin buat, lihat, dengar, cipta visi dan laksanakannya. Perlu berpengetahuan seni yang meluas dan mempunyai minat dan pengetahuan mendalam tentang filem dan drama TV, menghargai semua genre seni, supaya dapat menarik idea daripada pelbagai sumber. Seseorang pengarah filem perlu mengetahui tentang pengeluaran dengan memahami proses penghasilan filem atau drama TV dari awal hingga akhir, dari sudut teknikal dan kreatif. Yang paling penting mereka perlulah bertenang di bawah tekanan dengan bekerja secara berkaedah dalam persekitaran tekanan tinggi, buat keputusan kreatif apabila perkara tidak sesuai dengan rancangan. Pengarah memegang visi kreatif untuk keseluruhan produksi, jadi mereka mempunyai hubungan dengan setiap ketua jabatan. Dalam pra-pengeluaran, mereka bekerja rapat terutamanya dengan penerbit dan pengarah pelakon. Semasa produksi, mereka mempunyai hubungan rapat dengan pengarah fotografi dan penolong pengarah pertama. Dalam pasca produksi, pengarah bekerjasama dengan editor untuk 'memotong' filem atau program kepada produk akhir yang diingini.

Terdapat banyak laluan untuk menjadi pengarah. Ada yang bermula di teater, ada yang bermula sebagai penulis skrip, ada yang datang melalui laluan penolong pengarah, yang lain datang dari jabatan kamera. Walau apa pun laluannya, ini adalah peranan yang memerlukan pengetahuan yang luas tentang proses penghasilan filem atau drama TV. Ia berbaloi untuk memulakan kerjaya anda dengan mendapatkan kerja sebagai pelari di set atau di pejabat produksi sebelum bekerja dengan cara anda melalui jawatan peringkat kemasukan. Pergi ke profil kerja pelatih kamera dan pelari lantai untuk mendapatkan butiran lanjut.

Mengarah filem bukan sahaja mengenai mentafsir skrip secara visual dan mengendalikan pelakon secara kreatif, ia juga termasuk keupayaan untuk menyelesaikan kerja sehari pada masa dan mengikut jadual. Seperti mana-mana artis, pengarah yang baik memahami keperluan bekerja dari "dalaman dan luar." Dengan kata lain, pengarah yang baik perlu mengusahakan dirinya terlebih dahulu supaya mereka dapat mengembangkan kemahiran seni, logistik dan emosi yang akan membolehkan mereka melihat dan mendengar

"kebenaran" dengan lebih baik dalam kerja mereka. Untuk menjadi pengarah filem yang baik, anda juga perlu untuk mengetahui kemahiran pembuatan filem kreatif dan teknikal yang diharapkan daripada anda apabila anda memulakan pra-produksi; apabila anda melangkah pada set; dan apabila anda berada di dalam bilik penyuntingan.

Akhirnya, saya percaya tugas utama Pengarah adalah untuk memperkasakan pelakon dan krew mereka untuk bekerja secara kreatif dan kolaboratif dengan satu matlamat yang kukuh dalam fikiran: untuk membuat filem terbaik yang mereka boleh mengikut bajet dan masa yang mereka ada.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang hiburan dan seni. Encik Eoon Shuhaini yang telah memulakan perjalanan sebagai Kru Pengeluaran (Jabatan Melayu) di HVD Entertainment pada tahun 1995, seterusnya meneruskan langkah sebagai Kru Pengeluaran (Pengarah Seni dan Kesinambungan) secara “Freelance” bermula pada tahun 1998. Kemudian, beliau mengembangkan bakat beliau dengan menjadi sebagai Penolong Pengarah pada tahun 2007 sehingga 2010 dan akhirnya menjadi seorang Pengarah yang terkenal pada tahun 2010 sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 9 Julai 2022 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 9.00 malam sehingga 12.00 pagi dalam talian di platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Alis binti Raman dan Mariah Asyikin binti Abd Rahman. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

ES: Eoon Shuhaini  
NA: Nurul Alis  
MA: Mariah Asyikin

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

- NA : Baik Encik Eoon, bagi soalan pertama mengenai latar belakang diri, yang pertama apakah nama penuh encik?
- ES : Okay, Assalamualaikum, terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih lah kerana menjemput saya dalam program ini. Okay, nama saya, nama saya yang sebenar memang Eoon bin Shuhaini.
- NA : Adakah encik mempunyai nama samaran lain?

**ES** : Tiada, kalau nama samaran saya memang Eoon Shuhaini lah.

**NA** : Bagaimana pula dengan nama panggilan dikalangan keluarga, adakah encik mempunyai nama panggilan di dalam keluarga? Kadang-kadang dalam keluarga ada nama panggilan kan?

**ES** : Ada. Kalau ikutkan nama panggilan saya adalah Abang. Kalau arwah mak dahulu selalu panggil Abang ataupun Zairul, sebab Zairul ini memang kalau diikutkan mak daripada saya belum lahir lagi memang dia hendak letak nama Zairul, lepastu sudah lahir itu sebab masa zaman saya, sudah lahir perlu pergi balai polis. *So [jadi]* arwah bapa saya pergi, tetapi dia terlupa nama itu, selepas itu, semasa itu dia rapat dengan sorang kawan cina Hailam, lepastu dia tanya kawan dia tu apa nama sesuai, selepas itu kawan dia itu kata ambil ‘yang indah’ iaitu Eoon.

**NA** : Boleh tidak Encik Eoon terangkan apakah maksud Eoon Shuhaini itu ?

**ES** : Okay maksud Eoon Shuhaini ini, dari segi bahasa kita saya pun tidak tahu lah apa maksud dia, tetapi kalau mengikut arwah bapa saya, dia beritahu Eoon bermaksud ‘yang indah’. Maksudnya dalam bahasa kawan dia itu lah.

**NA** : Di manakan Encik Eoon dilahirkan?

**ES** : Okay, saya dilahirkan di Perak, iaitu di , tetapi kampung itu sekarang sudah tiada, saya lahir pada tahun 1977. Selepasnya saya lahir, dalam beberapa bulan selepas itu, kami satu kampung kena pindah, kebetulan semasa itu di sebabkan kapal korek, kami pindah ke kampung baru, namanya Kampung, Perak.

**NA** : Mintak maaf Encik Eoon, kampung apa?

**ES** : Saya lahir di, boleh dengar tidak? Pernah tidak dengar Kampung Angkat Pinggan? Kami dulu-dulu orang tua kata pinggan akan naik daripada sungai waktu kenduri apa semua, tetapi tempat itu sudah dihapuskan oleh kapal korek lah.

**NA** : Menarik, baru *first time* [pertama kali] saya dengar. Baiklah, bilakah tarikh lahir encik?

**ES** : Tarikh lahir .

**NA** : Anak keberapa dari berapa orang adik beradik?

**ES** : Saya ada enam adik beradik, saya yang ke-empat. Dua orang perempuan dan empat orang lelaki.

**NA** : Apakah hobi encik?

**ES** : Hobi? Hobi saya, saya lebih gemarkan aktiviti luar seperti macam basikal, selepas itu, itu sahaja yang saya suka, yang lain saya suka *camping* [berkhemah], tetapi *camping* [berkhemah] itu jarang [tidak kerap] lah, saya lebih kepada berbasikal dan naik motor sahaja.

**NA** : Faham. Apakah tempat yang encik teringin lawati untuk bercuti?

**ES** : Saya teringin sangat pergi ke negara Turki.

**NA** : Kenapa negara Turki Encik Eoon?

**ES** : Ia sebab Turki itu, banyak sejarah yang berkait dengan dia punya persekitaran , selepas itu saya teringin melihat ada banyak sejarah dan barang-barang peninggalan Rasullulah S.A.W.

**NA** : Berapakah umur encik, semasa encik melibatkan diri dalam dunia seni ini?

**ES** : Saya terlibat dalam bidang seni ini, semasa umur saya 18 tahun, lepas habis SPM. Pada awalnya lepas habis SPM itu, masa tunggu result itu, saya bekerja disebuah pusat video, video vhs, saya rasa awak tahu lah, tahu tidak vsh, masa dalam zaman itu? Semasa itu, memang popular video vhs ini, sebab video vhs ini memang dijual dipusat video masa itu. So [jadi] saya bekerja dalam pusat video itu lebih kurang dalam lapan bulan, selepas saya dapat result niat hendak sambung belajar, tetapi bos *offer* [tawaran] saya gaji apa semua, saya pun memang berminat sebenarnya, selepas 8 bulan itu, saya cuba, saya tengok satu iklan surat khabar, *production* [*produksi*], kekosongan pekerja *production* [*produksi*] krew di HVDDi Cheras. So [jadi], saya cubalah pergi, saya dapat, masa tu pada tahun 95 [1995] dalam bulan 11 macam itu, dari situ sampailah sekarang.

- NA : Alhamdullilah, baiklah, bilakah Encik Eoon mengakhiri zaman bujang encik?
- ES : Saya akhiri zaman bujang saya umur saya 30 tahun, sebenarnya 25 tahun tetapi dia pergi ke 30 tahun.
- NA : Kenapa itu? (ketawa)
- ES : Kalau di ikutkan, saya semasa 25 tahun itu memang saya *single* [bujang] *and* [dan] saya cakap dengan mak bapa saya, saya akan berkahwin 25 tahun dan saya pernah bertunang, semasa itu lebih kurang setahun, tetapi tiada jodoh, sebab semasa itu 97 [1997] *start* [mula] gawat [kegawatan ekonomi], so [jadi] semasa itu saya tiada kerja tiada apa, sebab gawat [kegawatan ekonomi], dari situlah saya putus, bukan saya hendak tetapi tunang saya yang minta putus sebab dia sudah ada orang lain, so [jadi] semasa itu lah, jadi bila saya sudah putus itu, selepas tu ayah saya meninggal dalam umur 55 tahun, selepas 2 tahun itu, mak saya meninggal, jadi semasa itu saya tidak mahu fikir pasal kahwin. Akhirnya, selepas mak sudah meninggal. Selepas itu pada tahun 2007, masa itu umur sudah 30, baru saya fikir hendak kahwin. Saya kenal dalam sebulan terus kahwin.
- NA : Alhamdullilah, orang kata kalau jodoh itu, semua dipermudahkan. Baiklah, seterusnya kita akan pergi ke soalan latar belakang keluarga, pasangan dan anak-anak, baik saya akan *pass* [serahkan] soalan ini kepada rakan saya.

## TAMAT BAHAGIAN 1

## **BAHAGIAN 2 - LATAR BELAKANG KELUARGA, PASANGAN DAN ANAK-ANAK**

**MA :** Apa khabar?

**ES :** Khabar baik, Alhamdullilah.

**MA :** Baik, soalan seterusnya, apakah nama ibu dan ayah encik?

**ES :** Nama ibu saya, dan Ayah saya, . Seterusnya, apakah pekerjaan ibu dan ayah encik?

**MA :** Ibu saya dia suri rumah, kadang-kadang dia pergi bermiaga, tidak tentu kerana dia jual

**ES :**

kuih, kadang-kadang orang *order* [tempah]. Ayah saya seorang peneroka kelapa sawit di kampung, di tanah sendiri.

**MA :** Di rumah lama?

**ES :** Ya, di Perak.

**MA :** Seterusnya, dimanakah ibu dan ayah encik dilahirkan?

**ES :** Ibu saya dilahirkan di Perak, dua-dua di Perak, ayah saya memang berasal orang Perak. Ibu saya lahir di Pasir Salak dan ayah saya di Kuala Kangsar.

**MA :** Adakah ada dikalangan adik beradik encik yang menceburi bidang yang sama? Kalau ada, berapa orang yang terlibat?

**ES :** Saya seorang sahaja dalam bidang ini. Tiada saudara, saya seorang sahaja, kalau diikutkan, arwah mak saya tidak bagi saya menceburi bidang ini, tetapi sebab saya minat bidang seni ini dari zaman sekolah sebenarnya.

**MA :** Siapakah nama isteri encik?

**ES :** Nama isteri saya adalah Rahimah binti Ali. Sebaya dengan saya.

**MA :** Apakah kerjaya isteri encik?

**ES :** Isteri saya selepas sahaja berkahwin, saya tidak beri dia bekerja, *so* [jadi] dia menjadi suri rumah sepenuh masa

**NA :** Sebelum isteri encik berkahwin dengan encik apa kerjaya dia?

**ES :** *Secretary* [setiausaha] di sebuah syarikat peguam di Kuala Lumpur. Selepas berkahwin 2 hingga 3 bulan, saya suruh dia berhenti, sebab saya rasa saya mampu, dia duduk rumah sahaja.

**MA** : Seterusnya, dimanakah tempat lahir isteri encik?

**ES** : Isteri saya dilahirkan di Kuala Lumpur, selepas itu dibesarkan di Melaka. Sebab arwah mak ayah dia memang berasal orang Melaka. Mereka memang merantau di KL [Kuala Lumpur], dan isteri saya dia anak yang ke-empat sama seperti saya, dia lahir di KL [Kuala Lumpur]. Selepas itu mereka pindah balik ke Melaka.

**NA** : Jadi Encik Eoon, detik-detik pertemuan Encik Eoon bersama isteri ini di Kuala Lumpur lah ya?

**ES** : Ya, di Kuala Lumpur. Sebenarnya, isteri saya kenal kakak dia, kakak dia dalam bidang yang sama, dan selepas saya putus tunang memang saya tiada kawan perempuan, saya ini bekerja sahaja, semasa itu saya *art director* [pengarah seni]. Macam mana boleh berjumpa itu sebenarnya kakak dia itu dengan *wife* [isteri] saya itu selalu bermain *message* [mesej] dengan saya. Awal itu saya memang tidak layan, selepas itu, apabila saya berasa dia ini kenal aku ke atau macam mana, dia kenal ke ataupun *member* [kawan] sengaja nak *prank* [gurau], jadi dalam masa sebulan saya layangkan sahaja sebab saya fikir ini mesti *member* [kawan]. Setelah sebulan, saya beritahu dia saya tidak mahu main-main, kalau jumpa selepas itu kahwin nikah. Saya tidak mahu bermain-main, tetapi dengansatu syarat, perlu beritahu macam mana boleh dapat nombor saya, dan macam mana boleh kenal saya. Itu yang saya tahu asal daripada kakak dia. Selepas itu bilasudah jumpa dia cerita, rupanya kakak dia kerja sini. Selepas itu apabila masing-masing sudah suka saya ambil keputusan untuk kahwin.

**MA** : *Sweet* [manisnya] cerita itu! Ini permulaan cinta mukabuku ini.

**ES** : Masa itu belum ada lagi *Facebook* [mukabuku]. Itulah cerita saya, masa itu tidak boleh tengok gambar, jadi kita tidak tahu macam mana rupa dia, Cuma sayadengar suara masa dia *call* [menghubungi] masa itu kalau diikutkan saya memang tidak layan, kata kalau dia *call* [menghubungi] tengah *shooting* [pengembalaan] saya akan beri kepada orang lain seperti artis kata “Kau tipu, kau tipu ini kata bukan aku”, tapi bila saya buat macam itu, dia memang tidak percaya, itu yang saya anggap, ini mesti kawan ataupun dia kenal saya, rupanya memang kakak dia yang memerhati.

- NA** : Wah! membuka langkah dahulu!
- ES** : Itulah!
- MA** : Soalan seterusnya, berapakah bilangan anak encik?
- ES** : Anak saya 5 orang, 2 orang perempuan, 3 orang lelaki.
- MA** : Apakah nama anak-anak encik?
- ES** : Anak saya yang pertama adalah anak angkat saya, Nur Afinah binti Nordin, berumur 23 tahun sekarang. Selepas itu, yang sebetulnya dari benih saya 4 orang iaitu, Mohammad Emir Rayyan, sekarang dia *form two* [tingkatan dua] 14 tahun. Yang Kedua Mohammad Emir Khalif dia 12 tahun. Selepas itu yang perempuan Nur Isya Ilinya iaitu 11 tahun dan yang kecil sekali Mohammad Emir Zaqib, enam tahun.
- MA** : Unik nama-nama anak encik.
- ES** : Ya, itu bersama-sama isteri saya mencari nama itu, gabungan, sebenarnya, Emir itu maksudnya syurga, ‘E’ dan ‘M’ itu adalah nama saya dan isteri saya.
- MA** : Adakah diantara anak-anak encik yang berminat untuk mengikuti jejak langkah encik sebagai seorang pengarah?
- ES** : Yang saya tengok, Mohammad Emir Rayyan yang 14 tahun ini, saya tengok dia ada mengikut jejak langkah saya juga kreatif dia juga sama, dia suka membuat benda pelik-pelik. Yang saya nampak dia seorang sahaja. Selepas itu, dia suka contohnya saya beri satu kamera kepada dia, ataupun *phone* [telefon] dia boleh bagi *planning* [rancangan] dengan *composition* [gubahan], macam dia faham tentang itu.
- NA** : Jikalau anak Encik Eoon, Emir Rayyan mengikuti jejak langkah encik sebagai seorang pengarah atau pelakon, adakah encik Encik Eoon izinkan? Kerana kadang-kadang ada ibubapa yang tidak membenarkan anak-anak menceburi dunia hiburan.
- ES** : Kalau di ikutkan kalau dibelakang tadbir saya memang galakkan, contohnya dia menjadi pengarah saya sokong lah, ataupun *editing* [penyuntingan], untuk kalau hendak jadi pelakon, saya rasa tidak perlu lah saya tidak galakkan.

**MA** : Apakah petua encik dalam mendidik anak sehingga berjaya dalam hidup mereka?

**ES** : Petua saya, kalau diikutkan saya lebih terapkan agama, agama itu bagi saya penting dan saya tengok apa yang mereka minat, apa yang mereka minat saya akan galakkan. Contohnya Mohammad Emir Rayyan ini suka membuat Lego (permainan), jadi apabila saya melihat macam itu, saya akan bagi mainan, mainan yang maksudnya membuat dia berfikir. Macam mainan kereta, saya tidak beli yang kereta sebiji, saya beli yang pasang siap, sebab dia minat macam itu. Saya menggalakkan diaorang main mainan yang lihat selepas itu perlu buat.

**NA** : Itu sudah ada ciri-ciri *engineering* [kejuruteraan] tu Encik Eoon.

**ES** : Itulah, tengok dia seorang sahaja macam minat *engineering* [kejuruteraan] tetapi kita tengok apa yang dia minat sebab dia baru 12 tahun, saya tanya apa cita-cita, kadang-kadang dia beritahu “Ayah, boleh tidak nak jadi pembuat kapal terbang”, lepas itu saya kata “Kalau macam itu ayah sukalah, ayah galakkan”

**MA** : Seterusnya, bagaimanakah encik menguruskan masa sebagai seorang pengarah dan ketua keluarga dalam waktu yang sama?

**ES** : Okay, anak-anak saya dan isteri saya faham, bila saya berkerja bila ada *shooting* [pengambaraan] contohnya bila ada 28 episod tu lebih kurang tiga bulan. Dalam masa tiga bulan itu memang saya jarang jumpa mereka, balik pun kadang-kadang3 ke 4 pagi mereka belum bangun ataupun mereka baru hendak pergi ke sekolah. Selepas itu balik mereka sudah tidur. Memang dalam masa tiga bulan itu jarang jumpa, jadi kalau mereka telefon kadang-kadang saya tidak jawab mereka akan faham. Kadang-kadang saya telefon balik, jika dua tiga hari saya tidak telefon mereka *wife* [isteri] saya akan ingatkan, nanti dia kata “tiga hari dah, tidak sembang dengan anak-anak”, jadi *time* [masa] *break* [rehat] itu saya sembang, saya *video call* [panggilan video] saya tanya apa yang mereka belajar. Tetapi apabila habis sahaja *shooting* [pengambaran] saya akan ambil masa dalam seminggu lebih ataupun tiga hari, saya akan bawa mereka pergi bercuti, tidak kiralah mana-mana.

**NA** : Maknanya Encik Eoon, kalau biasa saya tengok artis-artis yang sedang *shooting* [pengambaran] ini, kalau seperti yang Encik Eoon kata kan sebentar tadi, tiga bulan *shooting* [pengembaraan] maksudnya adakah mereka akan ditempatkan dalam satu tempat *shooting* [pengambaran] itu ataupun mereka boleh pergi balik ke rumah?

**ES** : Dia perlu tengok *location* [tempat], kalau macam *outstation* [*luar stesen*] diluar KL memang akan tidur dekat sana, kalau kata tiga bulan maka tiga bulanlah, biasanya dalam sebulan. Paling lama saya pernah adalah tiga bulan, tapi dalam masa tiga bulan ini katakan mereka ada cuti ke, saya akan suruh *wife* [isteri] saya datang bawa anak time cuti, dimana saya akan carikan bilik untuk mereka.

**NA** : Baik, kita akan pergi ke soalan mengenai sejarah pendidikan kanak-kanak, sekolah rendah, sekolah menengah, universiti.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### **BAHAGIAN 3 - SEJARAH PENDIDIKAN KANAK-KANAK, SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENENGAH, UNIVERSITI.**

**NA** : Encik, dimanakah encik mendapatkan pendidikan awal atau tadika?

**ES** : Saya dapat pendidikan awal tadika di kampung saya, Tadika Sungai Air Kuning, masa saya kecil dahulu, kampung itu kampung baharu, jadi saya belajar di tadika itu dalam setahun atau dua tahun, saya ingat-ingat lupa, kerana mak saya hantar abang saya pergi tadika itu, jadi saya pergi juga. Maksudnya saya tadika lama lah.

**NA** : Jadi pada umur berapa encik mendapatkan pendidikan awal itu?

**ES** : Tadika berapa tahun? 5 ke 6 tahunkan? Saya rasa 5 tahun, 6 tahun? Lebih kuranglah.

**NA** : Dimanakah encik bersekolah, ketika peringkat sekolah rendah?

**ES** : Sekolah rendah, saya dikampung saya iaitu Sekolah Kebangsaan Seri Changkat, saya sekolah disitu daripada darjah 1 sampai darjah 6.

**NA** : Adakah encik memegang jawatan ketika di sekolah rendah?

**ES** : Di sekolah rendah, saya darjah 4 dengan darjah 5 saya ketua kelas dan darjah 6 saya jadi pengawas pusat sumber. Semasa itu pusat sumber tiada apa-apa lagi, cikgu main campak sahaja.

**NA** : Adakah encik pernah memenangi pertandingan di sekolah rendah?

**ES** : Disekolah rendah saya banyak menang dalam pertandingan melukis dan mewarnalah. Maksudnya lebih banyak mewarna. Kalau mewarna ni, masa darjah 3, pertama kali saya menang selepas itu cikgu menyuruh bagi ucapan ketika perhimpunan, ketika itu saya rasa macam malu sangat. Saya pun rasa macam “eh cantik ke saya warna ni?” (teruja).

**NA** : Apakah pengalaman manis yang encik tidak akan lupakan ketika disekolah rendah?

**ES** : Kenangan manis yang tidak saya boleh lupakan ketika arwah ayah saya ambil saya, pada ketika itu, saya dan adik saya masih bersekolah rendah sekolah yang sama, jadi apabila kami balik kami kalau naik motor mesti naik tiga orang campur dengan ayah jadi empat orang. Saya selalu bercerita kepada anak-anak tentang ini kerana ini merupakan kenangan yang tidak boleh saya lupakan.

**NA** : Soalan seterusnya, dimanakan sekolah menengah encik?

**ES** : Sekolah menengah saya sebenarnya ada empat. Yang pertama semasa saya tingkatan satu, saya bersekolah di Teluk Intan, Perak, di Sekolah Raja Muda Musa, saya sekolah disitu dalam beberapa bulan. Sekolah itu tidak ramai *students* [pelajar], selepas itu *raging* [pembulian] kuat, saya tidak tahan selepas itu saya beritahu ayah saya yang saya tidak mahu sekolah disitu kerana *raging* [pembulian]. Selepas itu, saya ambil keputusan untuk berhenti, ayah saya tidak bagi sebenarnya, tetapi saya lari balik lepas itu ayah saya pergi ke sekolah jumpa cikgu bagitahu apa semua dan saya sudah tidak mahu sekolah lagi dan saya menukar sekolah. Sekolah kedua saya adalah Sekolah Menengah CM Yusuf di Tanjung Tualang. Sekolah itu saya tidak duduk asrama tetapi ulang alik naik bas. Selepas itu, *form three* [tingkatan tiga] saya kerap ponteng, saya nakal. Sebab naik itu jauh sebenarnya darirumah saya, selepas itu ayah dapat tahu saya ponteng, lepas itu ayah saya cakap “Ni nak SRP [Sijil Rendah Pelajaran] ini, Rul kena belajar betul-betul, ayah akan masukkan kau duduk asrama di Sekolah Sri Perak, Teluk Intan.”. Jadi masa *form three* [tingkatan tiga] saya sekolah di Sri Perak, Teluk Intan. Habis SRP [Sijil Rendah Pelajaran], masa itu kawan-kawan semua memohon sekolah teknik dan saya *try apply* [cuba memohon], selepas itu saya dapat di Sekolah Teknik Taiping, jadi saya *form four* [tingkatan empat] dan *form five* [tingkatan lima] di Taiping.

**NA** : Jadi apakah aliran yang encik ambil ketika di sekolah teknik? Sekolah teknik ada banyak alirankan encik?

**ES** : Disekolah teknik saya ambil penyejukkan dan penyaman udara maknanya *aircond* [penyaman udara]. Sudah habis sekolah lari bidang.

**NA** : Mengapa encik ambil bidang penyejukkan dan penyaman udara ini pada mulanya? Memang encik minat atau macam mana?

**ES** : Masa permohonan sebenarnya saya pun tidak tahu hendak ambil apa sebenarnya, sebab semasa itu ramai kawan pergi isi *form* [borang] semasa itu, saya ikut sahaja.

Ada kawan saya itu lagi “oh ini penyejukan dan penyaman udara ini, ni sejuk ni”, lepas itu saya pun ambillah. Bila ambil tu rupanya, *repair* [membaiki] *aircond* [penyaman udara] dan peti sejuk. Saya minat benda-benda sebegitu, saya dahulu dekat vokasional, saya suka kerana saya macam ada *dyslexia* [kesukaran membaca, menulis dan mengira] sebab saya suka benda yang perlu dibuat, jadi saya ingat lagi, cikgu saya semasa itu dia ada buat sesuatu dipanggil *dimmer* [lekapan lampu], bila dikelas itu saya buat semua, selepas itu dalam masa sama bilapergi ke bengkel, satu hari saya akan ambil satu komponen, saya ambil dan saya bawa balik ke hostel. Selepas dah cukup komponen itu, dekat hostel saya akan buat, bila saya buat macam kotak disket, saya buat kipas sendiri yang boleh saya kontrol sendiri. Satu hari warden tangkap saya, menyuruh memberitahu mana dapat benda ni, selepas itu saya cakap saya buat sendiri dan bagaimana boleh dapat komponen itu, saya cakap saya curi dari bengkel. Tetapi saya beritahu yang saya curi satu hari satu komponen, sebab saya memang hendak buat kipas macam itu. Cikgu ambil lepas itu dia beritahu ketua unit saya, bila ketua unit saya tengok lepas itu dia tidak marah, dia suka sebab saya pakai kotak disket itu. Saya buat itu ada *button* [butang] dia, selepas itu dia boleh kontrol, selepas itu boleh duduk dekat motor. Cikgu tidak marah saya tetapi dia beritahu jika hendak buat apa-apa, buat di bengkel. Ketua unit saya Cikgu Yaakob, bila saya masuk ke bengkel itu, saya akan tegur dia “Okay cikgu, apa yang boleh saya buat selain daripada elektrik”, sebab kadang-kadang bila kita sudah faham konsep elektrik, kita rasa hendak buat, saya tanya ketua unit saya “Boleh tak saya nak buat wiring untuk system traffic light?”, dia bagi saya diagram selepas itu saya buat lah.

NA : Nampaknya sudah nampak mana anak encik Emir mewarisi ke kreatifan dia itu.

ES : Emir Rayyan yang nampak hampir sama, sebab semasa umur dia 3 tahun saya perasan dia memang setiap mainan itu dia akan buka, selepas itu dalam umur 4 tahun saya bawa dia ke hospital, saya periksa dia, rupanya dia juga ada *dyslexia* [kesukaran membaca, mengira dan menulis] juga sama dengan saya, sebab itu saya tengok, Emir Rayyan ini yang banyak sama dengan saya. Macam Khalif ni dia kreatif sahaja, tapi pemikiran dia lebih matang.

**NA** : Adakah encik bergiat aktif ketika disekolah menengah ataupun di sekolah teknik?

**ES** : Saya di sekolah menengah saya tidak aktif sukan dan saya memang tiada apa-apa pencapaian. Bila hendak akhir sekolah, perlu hendak isi laporan kokurikulum, saya memang tiada, saya tiada *sport* [sukan], saya tiada kesatuan. Pada awal-awal sahaja saya ada kesatuan, tetapi sekejap, saya memang tidak aktif. Kalau duduk di sekolah Tanjung Kualang itu lagilah sebab berulang, memang saya tidak aktif. Selepas itu di Taiping saya memang tidak suka bersukan sampai kawan-kawan panggil saya ayam, sebab saya suka duduk di hostel, saya suka buat benda-benda elektronik. Sampai *form 5* [tingkatan 5], cikgu memberitahu “Eoon, kau sport nak main apa?” saya cakap nak main bola tetapi saya tidak tahu main bola, dia beritahu yangkosong rugby [sukan], jadi saya pun masuk sahaja lah. Apabila saya masuk rugby [sukan], selama saya masuk rugby [sukan], sekali sahaja saya main, tetapi wakil sekolah, sebab tidak ramai, tetapi saya simpanan. Selepas itu untuk kesatuan, saya masuk pengakap. *Form 5* [tingkatan 5] baru saya tahu apa itu pengakap, selepas itu saya beritahu cikgu “cikgu, kalau saya tahu pengakap ni, daripada dulu saya dah masuk”, masa *form 3* [tingkatan 3] di sekolah menengah di perak saya masuk kadetpolis, dahulu kononya cita-citanya nak menjadi polis, tetapi dalam beberapa tahun sahaja.

**NA** : Pada zaman sekolah menengah, apakah subjek kegemaran encik ketika di sekolah menengah?

**ES** : Pada sekolah menengah maksudnya *form 1* [tingkatan] 1, *form* [tingkatan] 2, *form* [tingkatan] 3 dan berbeza aliran ya? Masa *form* [tingkatan] 1 sehingga *form* [tingkatan] 3, kelas perdagangan sebab saya suka kelas akaun, selepas itu dengan sains. Selepas itu semasa saya *form* [tingkatan] 4, *form* [tingkatan] 5, saya suka sains dengan bengkel.

**NA** : Okay tadi kita sudah tanya subjek kegemaran, apakah subjek yang tidak disukai oleh Encik Eoon ketika di sekolah menengah dan di sekolah teknik?

**ES** : Subjek yang saya paling tidak suka adalah kelas bahasa english, selepas itu semasa *form* [tingkatan] 4 dan 5 ada kelas *addmath* [matematik tambahan], selepas itu adakelas akaun, saya tidak boleh masuk, saya rasa pening kepala, memang tidak boleh masuk. Tetapi kelas sains memang saya sukahlah, Cuma kelas Bahasa English dengan *addmath* [matematik tambahan] sahaja memang saya tidak minat.

**NA** : Adakah encik ada memegang jawatan di sekolah menengah, contohnya macam setiausaha atau dimana-mana macam yang encik kata tadi kelab rugby, mungkin encik ada pegang jawatan?

**ES** : Di sekolah menengah saya memang tiada memegang apa-apa jawatan, Cuma saya di kelas saya ketua kelas dengan saya di bengkel, ada persatuan penyaman udara,saya dilantik sebagai ketua.

**NA** : *President* [pengerusi] ya encik?

**ES** : Ya, *president* [pengerusi].

**NA** : Apakah pencapaian tertinggi encik ketika disekolah menengah ataupun disekolah teknik?

**ES** : Saya *form* [tingkatan] 3, saya SRP [Sijil Rendah Pelajaran], saya ingatkan saya tidak lulus, kerana saya banyak ponteng, saya di hotel, saya tidak menyangka SRP [Sijil Rendah Pelajaran] saya lulus, kalau diikutkan saya malas hendak sekolah, selepas itu semasa saya ambil *result* [keputusan] SRP [Sijil Rendah Pelajaran] itu lewat seminggu, mak tanya “kenapa tidak pergi sekolah”, saya beritahu mak “saya tak luluslah, takut nak ambil *result* [keputusan]”, selepas itu ada abang sepupu ini datang dia beritahu “eh, kau luluslah!”, lepas itu mak bising semua, saya pergi bawak beg, saya tengok di pintu bilik guru siapa yang lulus automatik akan masuk asrama. Saya ambil keputusan saya “eh, lulus!”, saya terus masuk asrama, saya tidak tahu kelas mana, saya ikut kawan masuk mana-mana kelas, selepas itu baru beritahu cikgu, saya daftar lambat, saya hendak masuk kelas ini kerana saya minat. Masa *form* [tingkatan] 4 tidak silap saya kelas sastera, tetapi sekejap sahaja. Semasa di Taiping pun sama, semasa SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] alhamdullilah, lulus. Saya tidak sangka. Memang ada niat mahu belajar, tetapi semasa itu saya fikir hendak kerja sahaja hendak bantu keluarga, apabila saya habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sahaja saya masuk bidang ini sehinggahalah saya menjadi *art director* [pengarah seni]. Memang saya ada niat dan azam hendak sambung belajar, tetapi semasa saya menjadi *director* [pengarah] saya belajar fotografi, saya belajar sendiri, saya tidak pergi kelas, tetapi saya berjumpa bermacam-macam guru, kiranya kawan-kawan, contohnya ada seorang ni guru fotografi namanya Abu, saya belajar dengan dia tentang fotografi. Saya membeli kamera sendiri, saya belajar dengan dia.

Selepas itu berkaitan *art* [seni], saya banyak bertanya dan banyak belajar sendiri, contohnya dengan *lecturer-lecturer* [pensyarah-pensyarah] lain. Apabila saya *shooting* [pengambaraan], saya akan tanya banyak soalan dekat dia. Sampailah, semasa itu dengan Mamat Khalid, selepas itu dengan *director* [pengarah] Hong Kong, Cuma semasa dengan *director* [pengarah] Hong Kong agak susah sedikit kerana dia tidak boleh berbahasa English dan berbahasa Melayu. Bila sudah biasa di Hong Kong, kadang-kadang kita akan faham apa yang dia cuba sampaikan, Cuma kita tidak tahu bagaimana hendak balas balik. Semasa pemilihan *director* [pengarah] ini dari 10 orang, yang tinggal hanya dua orang, jadi ada satu *director* [pengarah] ini, jadi saya sahaja yang tinggal seorang yang boleh tahan, sebab semasa itu *shooting* [penyuntingan] memang pagi ke pagi. Apabila projek yang kedua dia panggil saya dan dia banyak mengajar saya dari segi, kualiti, *speed* [kelajuan] untuk *slow motion* [gerak perlahan] selepas itu tentang *shoot* [pengambaraan], *size* [saiz], dan kenapa, mengapa, dimana dan siapa, empat ‘W’ ni dia ajar saya. Habis sahaja, saya banyak buat *freelance* [bebas], saya pernah kerja di Singapura sampailah saya menjadi *director* [pengarah], semasa saya menjadi *director* [pengarah], banyak universiti *offer* [menawarkan] saya untuk hendak sambung belajar, akhirnya saya dapat sambung belajar ambil diploma di Uniten, *course* [aliran] pengarahan. Alhamdullilah tahun lepas saya dapat sijilnya.

NA : Dimana Encik Eoon?

ES : Di Uniten.

NA : Jadi encik tamatkan sekolah menengah encik pada tahun bila?

ES : Tahun 1993.

NA : Tadi encik menyatakan encik menyambung pelajaran di Uniten dalam diploma pengarahan, jadi encik sambung itu pada tahun 2020 atau tahun ini?

ES : 2020 tidak silap saya.

NA : Berapa lamakah jurusan encik ini?

ES : Tidak lama, sebab saya masuk sebab ada pengalaman, kalau diikutkan dalam sebulan sekali atau dua kali. Saya pergi kelas, *lectures* [menyampaikan syaranan pendidkan]. Cuma mahu pengalaman saya, bila buat *thesis* [dokumen pendidikan] dia mintak drama apa yang saya paling suka, saya akan buat *thesis* [dokumen pendidikan] itu, saya akan *present* [pembentangan], untuk amali dia bagi satu *setup* [persediaan] and [dan] kita kena jadikan satu video.

NA : Apakah yang menjadi faktor encik memilih jurusan ini? Maksud saya, dalam bidang pengarahan ini mesti banyak bidang. Saya tidak berapa tahu, tetapi mungkinada bidang fotografi, cinematik dan sebagainya, jadi mengapa memilih bidang ini?

ES : Awalnya saya tidak mahu jadi pengarah, saya lebih kepada *art* [seni]. Apabila keadaan itu, semasa anak saya kecik-kecik dia ada penyakit leukemia, semasa itu saya banyak masa di hospital, semasa itu saya masih *art director* [pengarah seni]. Apabila doktor beritahu, dia tidak menggalakkan saya bekerja itu sebab rumah saya semasa itu, dua bilik jadi stor dan satu bilik itu saya buat kerja tukang-tukang, jadi doktor tidak menggalakkan. Apabila anak balik rumah dia sensitif, mudah mendapat penyakit sebab habuk. Ramai *director-director* [pengarah] menyuruh saya menjadi *director* [pengarah]. Semasa saya di Hong Kong, saya ada di Malay *department* [jabatan], kami selepas itu memang ada kelas dalam dua bulan, selepas itu kita kerja daripada bawah sehingga menjadi *assistance director* [pembantu pengarah]. Jadi semasa itu sampai menjadi *assistance director* [pembantu pengarah] sekali sahaja saya buat untuk pengalaman sahaja. Selepas itu saya buat *freelance* [kerja bebas], jadi macam-macam saya buat. Apabila saya sudah tidak boleh buat seni, ada *director* [pengarah] menawarkan saya untuk menjadi *assistance director* [pembantu pengarah]. Saya menjadi *assistance director* [pembantu pengarah], Alhamdullilah saya boleh kawal dan *manage* [urus], saya menjadi *assistance director* [pembantu pengarah] lebih kurang dalam empat tahun, selepas itu saya dapat tawaran jadi *director* [pengarah], yang saya nampak ini mungkin berkat sabar Allah beri saya menjadi *director* [pengarah] ini. Pada mulanya saya menjadi *assistance director* [pembantu pengarah] kepada Haikal.

Haikal pada masa itu menyuruh saya membuat satu telemovie RTM [Radio Televisyen Malaysia], sebab semasa itu dia tidak dapat buat. Dia pergi bercuti, jadi saya buat satu telemovie RTM [Radio Televisyen Malaysia], saya *start* [bermula] mengarah tahun 2011, jadi lebih kurang tahun 2005 atau 2006 saya mengarah yang *first* [pertama]. Alhamdullilah cerita itu okay, RTM [Radio Televisyen Malaysia] suka, selepas itu saya menjadi *assistance* [pengarah] balik, dalam masa 2011 itu, saya masuk MIG [Metrowealth International Group] dengan David Teo. Saya juga mendapat *offer* [tawaran] daripada kawan saya *director* [pengarah]. Saya buat empat filem, empat filem itu dilepaskan. Selepas itu kawan saya kata “eh, kau dah boleh direct dah ni”, jadi selepas itu saya rasa saya banyak lagi hendak belajar. Selepas itu *director* [pengarah] ini dapat *offer* [tawaran] satu episod, dia beritahu saya, dia kata “Eoon, untuk satu episod ini boleh tak kau 100% buat tetapi letak nama dia”, jadi saya sebagai *co-director* [pengarah bersama]. Kalau sudah beri kepercayaan kepada saya, jadi saya buat lah. Apabila saya buat cerita itu, masa itu tajuk cerita itu adalah ‘Cinta Buat Emelda’ slot Akasia. Alhamdullilah cerita itu *rating* [nilai] tinggi semasa itu, apabila pihak stesen dapat tahu yang saya membuat episod lapan baru letak nama saya, selepas itu projek yang seterusnya saya jadi *co-director* [pengarah bersama] juga, tajuknya ‘Ruby’, Sharnaz Ahmad dan Syukri Yahya, semasa itu sebenarnya bos David Teo, dia tidak mahu tahu nama saya dahulu, dia tidak tahu saya ini bagaimana. Saya buat yang sama macam sebelum ini saya buat, bila pihak stesen dapat tahu, mereka letak nama saya. Yang ketiga adalah ‘Diandra’ Fathia Latif berlakon, dia menang pelakon wanita terbaik anugerah DFKL [Drama Festival Kuala Lumpur]. Selepas saya buat ‘Diandra’ itu, saya buat telemovie satu dengan David Teo ‘Suamiku Jururawat’, yang telemovie bukan episod, yang episod saya tidak mahu buat kerana masa itu saya di MIG [Metrowealth International Group] ada banyak *director* [pengarah], jadi apabila drama sahaja, bos David Teo bagi saya. Pada semasa itu saya ada mendapat banyak tawaran daripada luar, jadi saya cuma buat telemovie itu, kemudian dapat episod, dia ada banyak syarat dia untuk episod. Jadi saya galakkan jika ada episod lagi, beri kepada *director-director* [pengarah-pengarah] lain. Saya pernah dekat luar dapat tawaran daripada GUARDIAN untuk mengarah ‘Love You Mr.Arrogant’ semasa itu saya buat ‘Love You Mr.Arrogant’ itu memang bersungguh-sungguh, sebab saya suka cerita dia, selepas itu pemilihan dan karakter dia sebenarnya saya ambil karakter mak saya, karakter bapa saya, karakter kawan saya dan karakter saya. Selepas itu tidak sangka boleh jadi fenomena.

**NA** : Tidak silap saya, drama itu banyak memenangi anugerah berdasarkan *resume* [dokumen rasmi] yang encik beri.

**ES** : Kalau diikutkan cerita itu memang banyak memenangi anugerah, dan cerita itu juga sebenarnya saya *culture shock* [kejutan budaya], saya ketakutan, jadi *anxiety* [resah], rasa macam kena sihirlah. Semasa itu saya rasa sebab *anxiety* [resah], dan *culture shock* [kejutan budaya] sebab saya tidak biasa, sebab saya bukan *director* [pengarah] daripada universiti, saya rasa “kenapalah Tuhan pilih aku macam ni”, masa ‘Love You Mr.Arrogant’ , dalam seminggu itu ada dalam surat khabar, seminggu itu *straight* [berterusan] cerita tentang saya. Jadi saya menjadi resah, iyalah sebab kita sudah umur 25 tiada orang tua, semasa itu saya berfikir “mak dangan bapa aku mesti suka ini”, walaupun dahulu dia tidak suka saya memasuki bidang ini tetapi saya mahu tunjukkan dia. Sebelum bapa saya meninggal, saya pernah beritahu bapa saya, saya cakap “saya sayang bidang ini, cuma saya minta satu doa sahaja dekat ayah, doakan saya supaya saya berjaya dalam bidang ini kerana Allah S.W.T.”, jadi apabila ‘Love You Mr.Arrogant’ berjaya saya nampak doa dia lah.

**NA** : Betul, doa ibubapa ini tiada hijab.

**ES** : Ya betul, sebab keesokkan harinya dia meninggal. Itu arwah bapa saya. Selepas bapa meninggal dunia itu, dua tahun itu saya ingat saya tidak mahu *shooting* [pengembaraan], saya hendak jaga emak. Tetapi selang beberapa bulan saya dapat tawaran sebagai *art director* [pengarah seni]. Selepas itu saya mendapat banyak juga tawaran, saya duduk di kampung, apabila ada kerja saya turun KL [Kuala Lumpur], apabila sudah habis saya balik kampung. Selama dua tahun itu dengan mak, hanya lapan kali saya bersama dengan emak, selepas itu emak pula meninggal dunia. Sebelum mak meninggal juga saya ada beritahu mak, saya ingat lagi, saya perlu pergi *shooting* [pengembaraan] movie dengan arwah Raja Ahmad Alauddindi Johor Bahru, apabila saya sampai di Johor Bahru, mak saya sakit masuk hospital, semasa itu projek dalam 10 hari. Apabila hari-hari saya telefon mak bertanyabagaimana keadaan mak, mak saya pesan “takpe, kerja adalah ibadah, kau kena utamakan dia dulu”. Apabila habis sahaja projek, saya terus balik [pulang] daripada Johor, saya terus jumpa mak, dapat malam itu jumpa dengan mak, dia hendak saya baca Yassin dengan dia, cakap dengan mak “esok lah mak”, dia kata dia dah tak larat. Pada esok pagi, doktor jumpa saya, dia beritahu mak awak dah tidak boleh nak dibuat apa-apa, sebab dia ada sakit itu, sakit ini, jadi tidak boleh hendak operate [bedah], jadi dia menyuruh bawa balik.

Selepas itu jumpa mak di wad ajak bawak balik, selepas itu dia memang sudah tunjuk tanda-tanda, dia kata “mak nak dengar kau baca Yassin”, dalam jam 3 macam itu, doktor suruh naik ambulan balik. Sampai di rumah, semasa itu maghrib, saya solat maghrib selepas itu ada tahlil dengan kawan-kawan dia, semasa itu ramailah yang baca Yassin. Selepas maghrib itu saya duduk dengan mak berbisik kepada saya, sebab suara dia tidak dengar, mak berbisik kepada saya menyuruh saya baca Yassin. Saya bukanlah pandai sangat baca Yassin, tetapi saya cakap dekat mak, “mak, saya baca untuk mak ya”, selepas itu saya pegang tangan dia sambil baca, habis saya baca itu dia meninggal. Sebelum itu saya ada kata “mak doakan saya berjaya dalam bidang ini”. Alhamdullilah ‘Love You Mr.Arrogant’, saya nampak dia berjaya kerana doa mereka.

**NA** : Sebak saya dengar cerita encik, baik kita teruskan, apakah aktiviti yang encik selalu lakukan pada waktu lapang ketika encik di Universiti?

**ES** : Masa saya di Uniteen itu, sebenarnya saya tidak 100% pergi kelas. Saya *shooting* [pengembalaan] macam biasa. Kalau saya *shooting* [pengembalaan] saya tidak pergi ke kelas, kerana Uniteen tawar saya dia nak lebih kepada pengalaman saya, kalau saya *shooting* [pengembalaan] saya kena beritahu masa, jadi nanti mereka datang tengok *shooting* [pengembalaan]. Maksudnya, jika saya *shooting* [pengembalaan] itu lah kelas saya.

**NA** : Maksudnya Encik Eoon bukanlah macam kami yang perlu duduk di kampus.

- ES : Ya, tidak perlu.
- NA : Apakah pengalaman manis encik ketika menyambung pelajaran dalam bidang diploma pengarahan?
- ES : Pengalaman manis saya, peluang yang Uniten beri ini, untuk 100 orang pengarah seni, saya dapat masuk bersama-sama pengarah seni lain contohnya Fauziah Nawi, Aziz M Osman, Datuk Zul M Osman. Jadi sebenarnya *director* [pengarah] lain ada diploma ada *degree* [ijazah sarjana muda] tetapi dia tiada untuk bidang pengarahan. Biasanya mereka Masscom [Communication and Media Studies] ataupun fotografi ataupun lain-lain, sebab bidang pengarahan ini hanya di Uniten sahaja yang ada masa itu.
- NA : Jadi pada tahun bila encik menamatkan pelajaran?
- ES : Dalam dua tahun sebelum ini. 2020.
- NA : Apakah perasaan encik setelah menamatkan pengajian?
- ES : Saya rasa macam gembira lah sebab tidak terfikir, selepas umur sudah 40 lebih baru dapat diploma, memang saya teringin nak sambung lagi. Saya akan sambung *degree* [ijazah sarjana muda] ataupun belajar lagi untuk masa depan saya, mungkin selepas ini saya akan mengajar.
- NA : InshaAllah, saya berasa teruja, mana tahu saya boleh mengikuti kelas encik (ketawa)
- ES : Boleh inshaallah, sebab saya kadang-kadang mengajar pelakon, sebab saya pernah menjadi pelakon, belakang tadbir ini penyelamat, apabila kata lah pelakon itu tidak boleh buat, kita lah yang kena berlakon. Daripada saya start [mula] mengarah dan menjadi assistant [pembantu] pengarah, biasanya kalau pelakon baharu saya akan mengajar bagaimana mereka berlakon, bukan setakat berlakon sahaja, dari segi production [produksi], wardrobe [busana], prop [peralatan], selepas itu teknikal, sebab saya tahu dari segi teknikal, saya tahu lighting[pencahayaan], sound [suara], kamera position [kedudukan], dari segi production [produksi] pula saya tahu continuity [kesinambungan], saya pernah buat wardrobe [busana] dan saya pernah buat art [seni]. Apabila saya mengarah ini, ada je yang mengatakan saya ini banyak karenah [ragam]. Bukan saya banyak karenah [ragam], sebenarnya saya mahu beritahu kefahaman saya.

Ilmu dan kefahaman kena seiring, mungkin cara saya sampaikan, contohnya ada yang pergi kelas dia ada ilmu tetapi dia tidak faham. Saya beri mereka faham, saya akan bandingkan, macam kita *drive* [memandu], pelakon ini bawa kereta, kalau bawa kereta macam mana? Selepas itu perlu tahu diri kita, watak itu, adakah kita ini ada lesen ataupun tiada lesen. Walaupun kita ada lesen tapi watak tiada lesen, kita perlu buat-buat tiada lesen, ikut watak. Dari segi *art* [seni], dekat Malaysia ni ramai yang kurang dari segi *art director* [pengarah seni]. Ramai yang *art director* [pengarah seni] tetapi *skill* [kemahiran] itu yang tiada. Kerana *art* [seni] ini lebih kepada kreativiti, kita membuat bukan membeli. Lebih banyak membuat *design* [reka bentuk] sendiri, contohnya jika ada jam, dia akan buat jam itu sendiri.

**NA** : Faham, susah juga ya Encik Eoon hendak melakonkan sesuatu watak itu.

**ES** : Untuk lakonan, pelakon perlu fahamkan watak itu, perlu faham skrip. Kenapa kita perlu buat sesuatu, jadi benda ini kita perlu faham dahulu baru boleh laksanakan apabila sudah ada kefahaman. Maksud kefahaman ni, kita perlu susun betul-betul, maksudnya kenapa, mengapa, dimana, siapa yang tadikan yang empat ‘W’. Maksudnya, kenapa dia kena dialog macam ini? Kenapa aku kena kena buat macam ini? Kenapa dia jawab macam ini? Kenapa kena jawab macam ini? Kenapa aku kena datang sini? Mengapa aku kena dialog macam ni? Mengapa dia dialog macam ini? Mengapa aku kena macam ini? Mengapa mak aku tiada? Mengapa aku kena bunuh? Mengapa aku kena curi? Mengapa aku kena tumbuk? Jadi maksudnya kita kena tahu itu semua, mengapa, kenapa, dimana, untuk dimana, maksudnya dalam cerita ini dimana? Dalam skrip itu, cerita itu dimana? Contohnya di rumah, di dapur. Contohnya kau adalah watak A, ini adalah rumah engkau, maksudnya rumah itu dia akan rasakan daripada dia lahir. Maksudnya kefahaman. Selepas itu siapa, maksudnya siapa aku? Siapa yang aku berjumpa? Siapa letak aku dekat sini? Siapa buat aku jadi macam ini? Itu dalaman lah, selepas itu teknik untuk hafalan, okay ambil point dalam skrip, bukan kita hafal satu skrip itu, ada setengah yang tidak faham, dia akan hafal dialog itu, bila hafal dia tidak dapat rasa. Sebenarnya ada teknik-teknik yang macam mana kita mahu nampakkan dia *natural* [asli] benda itu. Sebenarnya kita faham skrip itu, kita faham dialog kita dan kita lebih fahamkan dialog orang. Baru kita dapat *reaction* [reaksi], selepas itu antara otak dan hati, barulah kita dapat hasil iaitu expresi. Kalau otak mengingat lain, hati akan was-was, jadi impresi tidak akan menarik, contohnya kalau kita sakit perut, muka kita kena sakit perut, tetapi sebab kita ingat dialog, kita tidak akan nampak seperti sakit perut. Dia kena seiring.

Macam menangis, ada sesetengah itu, dia tidak boleh menangis. Ada satu pelakon perempuan, dulu saya ada buat satu cerita tajuknya ‘Diandra’, pelakon perempuan ini sepatutnya dia kena menangis, tetapi dia tidak boleh menangis. Bila dia tidak boleh menangis, saya tanya dia “kenapa tidak boleh menangis? Faham tidak skrip ini? Kau kena menangis”, lepas itu dia cakap, “dia tidak pernah sedih dan tidak pernah ada masalah”. Jadi saya tanya dia, “takkan engkau tiada pengalaman putus cinta ke?” Dia kata “tiada, dia tidak heran”. Dengan keluarga dia pun okay. Jadi saya menggunakan cara saya, saya kata “engkau suka tidak benda yang comel?” Dia kata “dia suka”. Bila dia kata dia suka, saya bagi cara saya untuk bagi nampak dia sedih. Saya cari satu gambar Google, saya ambil gambar satu keluarga *accident* [kemalangan]. Dalam gambar itu bomba tengah keluarkan mayat, dia nampak budak kecil tersepit, selepas itu saya tunjuk dekat dia, cuba kau bayangkan ini keluarga kau, dan fokus. Tetapi dia masih kata tidak boleh. Selepas itu saya bagi dia muzik sedih, tengok gambar ini dan dengar muzik dan duduk diam-diam, selepas itu dia menangis, apabila menangis sahaja, terus mula *shooting* {pengembaraan}, suruh diakekalkan perasaan sedih itu san akhirnya dia dapat menangis. Selepas habis *cut* [selesai pengembaraan] sahaja, sayakata “thank you, kau dapat rasa akhirnya”, dia tidak nampak hasilnya, keranahasilnya kemudiankan? Selepas itu dia tanya “okay ke? Okay ke?” Selepas itu esoknya ada babak menangis lagi, dia cakap “Eoon, aku dah faham dah, aku nak buat sendiri.”, dia buat dan dia dapat tangkap benda itu. Itu semua kaedah saya untuk bagi faham. Sebenarnya kalau mahu menangis sebetulnya dia kena faham karakter, kena faham cerita, yang ini untuk sokongan untuk rasa sahaja. Semasa keluar TV [televisyen] masa itu, dia juga tidak sangka yang dia boleh menangis macam itu. Sampai ada *director* [pengarah] tanya saya macam mana saya buat dia menangis sedangkan dia ini susah untuk menangis, selepas itu saya *explain* [menerangkan] macam biasalah. Tapi pemikiran kita kan, jadi makan masa sedikit untuk dia faham, jadi kalau dia *shooting* [pengembaraan] dimana-mana, dia boleh ambil teknik itu. Untuk mudah dia dapat kefahaman dan rasa. Ramai orang yang boleh berlakon tetapi tidak tahu apa itu pelakon, dia anggap pelakon itu hanya untuk *glamour* [terkenal], ada anggap berbakat tetapi berpura-pura. Bakat ni ada dua, satu bakat semula jadi, satu lagi, bakat yang dibina.

Maksudnya dibina ini, dia faham, maknanya dia ambil masa sedikit. Yang bakat semulajadi ini maksudnya budak kecil yang ada bakat semula jadi, maksudnya dia faham dan cepat tangkap. Tetapi biasanya bila dia ada bakat semula jadi dari kecil, dah besar dia hilang sebab tidak dijaga. Contoh bakat semula jadi adalah Bell Ngasri, dia adalah seorang yang berlakon sejak kecil lagi dan dia akan kekal, akan jaga sampai lah sekarang.

NA : Susah juga ya encik untuk membawa sesuatu watak ini. Biasanya bila kami lihat didepan TV [televisyen] ni macam senang sahaja, kalau babak menangis, dia menangis sahaja. (ketawa)

ES : Nampak macam senang tetapi susah, tetapi apabila sudah lama-lama apabila sudah dapat teknik itu, ia akan jadi mudah. Ada pelakon yang boleh *timing* [ikut masa yang sesuai]. Apabila kita *closeup* [mendekat] ke dia, ngam-ngam (tepat) air mata dia keluar. Kalau gitu memang dikira hebat lah pelakon itu, memang jarang jumpa tetapi ada. Macam contohnya saya pernah *shooting* [pengembalaan] di Pakistan, apa yang mereka beritahu, mereka boleh menangis tetapi mereka menggunakan teknik minyak angin letak dibawah mata. Tetapi mereka boleh tahan air mata itu sehingga kamera pergi *shoot* [untuk merakam] ke dia. Macam Malaysia dan Indonesia lebih kuranglah. Bollywood juga menggunakan teknik yang sama.

NA : Wow, saya baru tahu macam-macam teknik boleh buat. (ketawa).

ES : Ya, lebih kurang lah, macam-macam lah.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### **BAHAGIAN 4 – PENGALAMAN KERJAYA**

**NA :** Baik encik, kita akan beralih ke soalan pengalaman kerjaya. Silakan.

**MA :** Soalannya, siapakah yang, okay maaf (tersasul). Mengapakah encik memilih kerjaya sebagai seorang pengarah?

**ES :** Lebih kurang saya waktu itu, menjadi pengarah ini, awalnya itu kita tidak tahu bagaimana boleh jadi pengarah ini. *So [jadi] -- selepas itu 7 bulan saya tidak shooting, menyendiri dan selepas itu saya belajar agama, fahamkan agama, dan saya baca terjemahan.* Sebenarnya, tujuan saya hendak menjadi pengarah ini, kerana saya hendak masukkan tabligh dan dakwah dalam setiap cerita. Allah sudah meletakkan saya menjadi pengarah, jadi saya perlu membuat cerita itu ada kesedaran dan untuk masyarakat lah. Maksudnya, hendak bagi faham kepada penonton yang kita hendak sampaikan ini bukan sekadar cerita cinta sahaja. Maksudnya, dari cerita cinta pun, ia ada asbab dan elemen-elemen dakwah. Maksudnya, orang yang jahat akan jadi baik, orang yang buat kesilapan ada sebabnya, selepas itu orang yang jahat ada balasan dia. *So [jadi], maksdunya apa yang kita hendak sampai kan, mempunyai tujuan yang baik lah.*

**MA :** Siapakah yang memperkenalkan encik dalam bidang pengarahan?

**MA&NA :** Eh tidak mengapa, minum dahulu (serentak).

**ES :** Memperkenalkan dalam bidang pengarah? Maksudnya selepas jadi pengarah ke macam mana? Kalau ikutkan saya, sejak saya tertarik untuk mengarah ini kerana arwah Mamat Khalid, abang Raja Ahmad Alauddin, selepas itu Joe Arshad. Mereka yang saya selalu bertanya. Sebab, apabila saya *set-up* [menyediakan sesuatu] untuk *art* [seni], saya akan bertanya ke arwah Mamat Khalid. Contohnya, “abang, bagi *angle* [sudut] tu, berpandukan pandangan siapa? Adakah pandangan abang atau pandangan penonton ataupun sebaliknya?” Kemudiannya, dia berkata “Itu engkau akan tahu. Soalan ini jarang orang tanya, tetapi bagus engkau bertanya”. Selepas itu -- adakah -- selepas itu apabila -- . Selepas itu, abang Mamat ketawa. Dia berkata “eh baguslah --. Selepas itu, saya menjadi risau -- tetapi dia tahu tau, saya takut dan serba salah. Kemudian dia pun berkata “Eoon, engkau tahu tak nak jadi pengarah ini, dari segi agama ini, ianya sebahagian dari Tassawur. Maksudnya, mengkaji kitab --“. Kemudian saya bertanya balik “Habis pandangan tu, dari pandangan siapa?”.

Kemudian dia menjawab “Itu nanti, abang akan beritahu, abang nak tengok engkau tahu ke tak”. Sebab dia bagi itu -- . Ada satu scene [adegan] itu, seorang pelakon itu seorang diri, kemudian dia bertanya saya “Eoon, kalau kita dalam bilik seorang, kadang- kadang Tuhan tengok kita dekat mana?”. Saya jawab “mana kita nak tahu kan. Takkan nak dekat atas, kalau dekat atas -- , lepas itu, takkan nak – itu pandangan manusia, lepas itu saya sedar oh maksudnya pandangan yang manusia lihat cantik”. -- Sebab apabila kita lihat benda yang cantik, kita akan sebut subhanaallah. So [jadi] – itu antara satu. Itu saya praktik kan --, setiap angle [sudut] saya dan kedudukan -- . Sepatutnya saya tidak boleh cerita lah, itu rahsia saya lah kan (ketawa). Maksudnya, sesuatu pandangan itu adalah bukan pandangan mata high level [kedudukan atas]. Maksudnya, kalau kita tengok orang itu, jangan lah kita tengok high level [kedudukan atas]. Mungkin kita tengok sharp [pandangan tajam] sikit ke kurang sikit ke kemudian “eh lawa pula dia ini. Setiap manusia ini, ada kita tengok sekali dia macam tidak cantik, tetapi bila tengok dua ke tiga, macam cantik pula dia ini. Ada angle [sudut] yang menarik -- . Cuma kita sahaja perlu pandai. Selepas itu, banyak juga saya bertanya director-director [pengarah-pengarah] lain, macam arwah Raja Ahmad, saya pernah bertanya dia pergerakan maksudnya body language [pergerakan tubuh], dan cara jalan -- . Contoh kalau macam orang itu letak tangan di dagu, saya tanya dia “kenapa perlu letak macam ini?”. Saya banyak bertanya mengenai pergerakan body language [pergerakan tubuh] dengan abang Raja. Dia berkata “setiap manusia ini, dia bergantung kepada pergerakan. Contohnya, kenapa ada orang yang tangan dia – berbunyi, bergerak-gerak ataupun kaki bergoyang-goyang dan kenapa --” . So [jadi], saya banyak belajar dengan dia tentang pergerakan lah dan dengan -- saya banyak belajar tentang pergerakan juga --.

**MA :** Soalan seterusnya, sudah berapa tahu encik terlibat dalam bidang pengarah dalam industri seni?

**ES :** Saya betul-betul *concentrate* [menumpukan perhatian] mengarah hujung bulan, saya *start* [bermula] 2011, 7 tahun sudah semasa itu, selepas itu saya terus mengarah alhamdulillah sampai lahir sekarang.

**MA :** Adakah menceburi bidang seni merupakan cita-cita encik sejak kecil lagi?

**ES :** Mungkin. Saya tak berapa ingat. Semasa saya dekat asrama. Kawan-kawan saya tanya “eh Eoon, engkau nak ke mana?” Kemudian saya menjawab “aku nak pergi *shooting* [pengembaraan]”. (ketawa). Kemudian, mereka menjawab “poyo lah kau” (ketawa). Mungkin -- saya lebih suka di belakang studio.

**MA :** Berapakah umur encik ketika menjadi pengarah buat kali pertama?

**ES :** Saya menjadi pengarah pada tahun 2011. Semasa tahun 2011 itu, saya berumur berapa yar? Sekarang 45 tahun berapa ya? Cuba kira. Lebih kurang dalam umur 34 tahun lah saya menjadi pengarah.

**MA :** Selain bakat sebagai seorang pengarah, adakah encik mempunyai bakat terpendam yang lain?

**ES :** Bakat terpendam, saya rasa lebih suka melukis, tetapi apabila sudah menjadi pengarah ini, saya kurang melukis, saya menyuruh anak-anak sahaja melukis. Selepas itu, menyanyi ini, saya kurang tetapi minat. Tetapi kalau hendak dengar saya menyanyi ini akan menggunakan trick [tipu helah] menyanyi (ketawa). Tetapi kurang lah --. Selepas itu, saya ada pengalaman mengikut orang membuat musik, tetapi kadangkala -- tetapi saya boleh -- . Contohnya -- dia menyanyi lagu tradisional. Selepas itu saya berkata pada dia, “boleh tak buat lagu untuk drama?”. Kemudian dia berkata, “kalau untuk drama macam mana?”. Kemudian saya cuma menjawab “la la la la la” (menerangkan melodi tersebut). Kemudian, saya bercerita berdasarkan cerita itu (jalan cerita drama tersebut). Kemudian saya berkata “abang nak kau pakai piano, lepas itu gitar lepastu drum”. Kemudian dia berkata --. Kemudian saya berkata kepada dia “ok lirik ini kena”. Jadi bila dia buat itu, lagu itu menjadi dan sesuai untuk drama dan sesuai dengan drama itu. --. Kalau hendak buat lagu itu, dalam masa 3 hari sudah boleh menjadi lagu. Contohnya drama ‘Hidayahmu Ramadan’, kita perlukan lagu kan, lagu ketuhanan ada, lagu cinta pun ada.

*So [jadi], apabila abang explain [menerangkan] dekat -- (menerangkan bagaimana jalan cerita drama tersebut) --. Selepas itu, dia pun buat dan bagi melodi, dia terus masuk gitar. Selepas itu, saya bagitahu dia (menerangkan sesuatu keinginan), kemudian lagu itu menjadi dalam masa 3 hari. Selepas itu abang cakap “eh sedap pula lagu ini kan”. Jadi benda itu menjadi. Alhamdulillah.*

**NA** : Encik Eoon banyak bakat rupanya, mungkin selepas ini encik Eoon boleh buat lagu ke? (ketawa)

**ES** : Boleh, tetapi buat lagu itu sekadar beritahu melodi dan jalan cerita dia sahaja lah (menerangkan bagaiman sesuatu keinginan).

**MA** : Seterusnya, persekitaran kerja macam mana yang encik suka sepanjang encik menjadi seorang pengarah?

**ES** : Persekutaran macam mana? (meminta mengulang soalan)

**MA** : (Mengulang soalan)

**ES** : Yang paling saya suka apabila suasana kampung. Suasana kampung itu, dekat dengan saya -- . Kalau di bandar, saya lebih suka suasana yang -- . Maksudnya, kalau di bandar itu saya mesti perlu ada lampu *table lamp*[lampu meja] sebab bagi saya -- dari sudut *art* [seni] -- . Saya akan bagimood [perasaan]. Kalau dekat highway itu, kita akan *design* [mereka bentuk] cantik, dia akan menjadi suatu karakter *so* [jadi] benda itu penting bagi saya. Kalau macam kampung, saya lebih suka unggun api atau pelita sebab setiap -- akan ada 4 unsur contohnya api, angin, tanah dan air. Jadi kalau tiada benda itu, dia jadi macam tiada *feeling* [perasaan] --.

**MA** : Adakah encik berasa sukar ketika ingin memulakan langkah sebagai seorang pengarah atau anak seni? Susah itu memang susah lah. Sebab jadi pengarah ini, contoh kalau kita main drum, otak perlu pecah empatkan, siapa yang main drum dia akan tahu lah. *So [jadi]* pengarah ini, dia pecah plagiat [pelbagai idea], dia banyak dan pengarah ini pula, apabila kita pergi ke lokasi, kita perlu memikirkan apa yang perlu kita buat. Biasanya, balik rumah kita akan buat *homework* [belajar atau mengkaji sesuatu] contohnya macam *scene* [adegan] apa yang kita hendak buat, *so [jadi]* apabila *on the way* [dalam perjalanan] itu, kita kena ingat apa yang kita hendak buat dan apabila balik nak *on the way* [dalam perjalanan] ke rumah itu, kita perlu fikir apa yang kita buat tadi, contohnya perlu ke buat ini, perlu ke kita betulkan sedikit *scene* [adegan] ini. *So [jadi]*, apabila saya hendak mengarah itu, boleh bawa sampai mengigau [gangguan ketika tidur] lah kan (menerangkan situasi gangguan tersebut). Sampai terbawa ke tidur. Memang sukar untuk permulaan, tetapi apabila dah dapat cara itu, ia menjadi lebih mudah lah --. Sebab pengarah ini banyak yang sakit jantung dan boleh strok. Sebab terlalu banyak fikir.

**MA** : Apakah filem atau drama pertama yang diarahkan oleh encik?

**ES** : Drama pertama yang saya arahkan adalah ‘Hanya Dikau’. Seperti yang saya beritahu tadi kan. Selepas itu, drama yang kedua adalah ‘Cinta Buat Emelda’. Untuk filem, saya belum pernah mengarah filem, saya hanya *assistant director* [pembantu pengarah] sahaja. In shaa Allah selepas ini. Telemovie pertama saya ‘Tanya Sama Hati’, saya terlupa pula.

**MA&NA** : In Shaa Allah (serentak)

**MA** : Apakah cabaran encik dalam mengarah drama tersebut?

**ES** : Cabaran dia, untuk drama pertama, orang panggil saya *director* [pengarah] ‘gila shot’ (terlalu banyak sudut yang ingin diambil) (ketawa). Kita tidak tahu sudut apa yang perlu diambil, masih tercari-cari. Kita risau takut tidak cukup *scene* [adegan], ataupun risau filem itu rosak atau *time* [masa] tidak masuk ke. Jadi kita buat banyak kali. Tetapi apabila sudah siap itu, sangat menjadi (menerangkan situasi). Tetapi pada awalnya itu, memang rasa kepuasan itu tiada.

**MA** : Boleh ke encik cerita serba sedikit mengenai pengalaman encik dalam mengarahkan drama pertama tersebut?

**ES** : Pengalaman, sebab masa itu saya dapat pelakon nya, Izat Jasmin dengan Ira Syazira. Tetapi masa itu, mereka belum ada apa-apa lagi. Cerita itu adalah komedi. Saya berasa, ianya agak belum menjadi. Jadi apabila saya perlu mengarah ini, saya berasa macam saya boleh mengarah (teruja). So [jadi], apabila sudah habis cerita tersebut, kita merasakan yakin yang kita sebenarnya boleh buat.

**MA** : Apakah perasaan encik terhadap drama pertama yang diarahkan oleh encik?

**ES** : Perasaan? (mengulang soalan). Semasa sudah siap atau sebelum siap? Ianya ada dua perasaan. Kalau belum siap, dia akan menjadi sangat risau (berdebar)(ketawa). Tetapi apabila sudah siap pula, ia rasa susah apabila perlu tunggu jawapan dari quershi [jawapan dari stesen] itu, rasa sangat takut -. Saya berkata pada *producer* [penerbit], “ok dah boleh hantar dah tetapi bos kena tengok dulu lah”. Kemudian dia menjawab “aku tak akan tengok, aku kene tunggu dari quershi [jawapan dari syarikat produksi] dulu”. Kerana quershi [jawapan dari stesen] biasanya dia akan memberikan emel kepada kita, dia akan berikan kepada editor dan perlu melihat komen dari pihak stesen (menceritakan situasi dan perasaan). Berasa berdebar (menerangkan situasi kejadian semasa menunggu jawapan dari stesen). Kemudian, apabila sudah dapat jawapan itu, berasa lega lah.

**NA** : Maksudnya, encik Eoon, selepas daripada sesebuah drama itu sudah siap, perlu di *review* [semakan] oleh stesen dahulu, kemudian sudah *approved* [diluluskan] baru boleh ditayangkan di stesen televisyen lah maksudnya begitu?

**ES** : *First* [pertama sekali], selepas kita sudah buat *online* [mod secara maya] dan *offline* [mod luar talian] oleh *editor* [penyunting], *director* [pengarah] akan *review* [semakan] dahulu. Sampai lah saya berasa setuju (menerangkan perasaan), walaupun sebenarnya tidak puas hati kan, bermaksud drama tersebut sudah boleh dihantar. Maksudnya, apabila *director* [pengarah] sudah bersetuju dan sudah diarahkan untuk dihantar, baru lah boleh dihantar ke stesen, dan akan buat *slide* [tayangan salid] pengenalan dan perlu menunggu komen, tetapi masa menunggu komen itu mungkin kita berasa tenang lah, tetapi apabila sudah mendapat komen baru berasa tenang (menerangkan situasi seperti contoh-contoh komen yang diterima).

- MA** : Berapakah jumlah drama dan filem yang pernah encik arahkan?
- ES** : Drama tidak silap saya, yang saya arahkan dalam 50 lebih rasanya (sedang mengingati). Lebih kurang 56 dan sekarang ini 57.
- MA&NA** : Banyak nya encik Eoon.
- ES** : Dari 2007 sampai lah sekarang.
- MA** : Apakah jenis drama atau filem kegemaran encik? Contohnya drama seram ke, romantis dan sebagainya.
- ES** : Sebenarnya, kalau ikut cara saya, saya lebih suka drama yang *heavy* [berat]. Contoh drama *heavy* [berat] ini, macam kisah keadaan orang susah, ataupun masalah keluarga. Saya lebih suka drama macam itu. Tetapi, apabila saya dapat mengarah cerita romantik komedi, *sweet-sweet* [manis] dan *catchy-catchy* [menarik] ini, *so* [jadi], stesen banyak bagi saya yang *catchy-catchy* [menarik] lah. Saya sebenarnya suka juga yang *catchy-catchy* [menarik], tetapi kalau dapat hero dan heroin yang *chemistry* [interaksi] yang *best* [baik], jadi kita akan berasa *enjoy* [menyeronokkan] lah hendak buat.
- MA** : Apakah filem atau drama yang menaikkan nama encik?
- ES** : Drama yang menaikkan nama saya, ‘Love You Mr Arrogant’, ‘Hidayahmu Ramadan’, ‘Kamelia’, ‘Cik Cinderella’, ‘Bahagia Bukan Bidaan’, ‘Andainya Takdir’, saya berasa banyak juga. Yang itu membuatkan nama saya naik. Tetapi sebenarnya takut nama saya naik ini. Kalau ikut kan ada lagi, ‘Astana Cinta Aleesa’ ini yang 2016 dan ‘Pujaan Hati Kanda’.
- NA** : Saya suka cerita itu encik Eoon. Saya selalu ulang. (ketawa).
- ES** : ‘Pujaan Hati Kanda’ itu, saya pun suka lah cerita itu. Sebab semasa hendak *shooting* [pengembaraan] cerita itu pun *enjoy* [menyeronokkan]. Sebab pada awal itu, saya dapat Remy Ishak. Selepas itu, dengan Remy Ishak ini saya suka dia sebab dia seorang yang *extra* [luar biasa] kalau berlakon itu memang bersungguh-sungguh. Sebab itu saya cakap apabila mendapat *actor* [pelakon] yang *best* [seronok], jadi kita bincang pun *best* [seronok]. Kadang-kadang kita bukan ikut sangat pun *script* [skrip]. Selepas itu, saya cuma beritahu Remy “mi yang ini *scene* [adegan] ni kita cuma nak ambil hati”. (merangkan situasi adegan tersebut). Kemudian, dia akan *try* [mencuba] buat. Kalau dia tidak dapat buat, dia akan beritahu saya “bang, saya tak boleh lah nak jalan ke sini ke saya tidak tahu apa sebabnya”. Kemudian saya *explain* [menerangkan] lah, “tak, ini bukan dialog kau, ini dialog mira”. *So* [jadi], apabila dia cakap dialog macam ini, perasaan engkau yang menggerakkan. *So* [jadi], apabila dia faham, jadi mudah lah. Jadi macam itu lah. Sebab masa itu, kami, saya, Mira, Remy -- . *So* [jadi], mereka setuju, selepas itu, abang akan gurau dengan Remy sebagai *actor* [pelakon] biar ada kefahaman.

**MA** : Apakah jenis watak yang paling encik suka dan mengapa?

**ES** : Watak? Maksudnya --. Pelakon yang paling saya suka dalam ‘Love You Mr Arrogant’ itu Azlee Khairi dengan Datin Maria. Yang itu paling saya suka lah. Sebab masa ‘Love You Mr Arrogant’, Azlee Khairi waktu itu, memang dia boleh berlakon, tetapi kadang-kadang dia susah faham apa yang saya hendak. Tetapi saya lebih suka Zara. Zara Zya pun watak dia -- dah 11 tahun dia berlakon. Tetapi saya tidak pernah nampak. Tetapi, kita jadikan dia watak orang kampung, ada ego [keras kepala] dia, lepas itu Azlee Khairi pula, dia orang kaya tetapi sebenarnya dia ini budak baik --. Jadi, benda itu menjadi, kadang-kadang ada *scene* [adegan] yang banyak hentam [spontan] tau. Contohnya (menerangkan situasi tersebut ketika di lokasi pengembaran) (ketawa) (gangguan internet). Macam ‘Pujaan Hati Kanda’ (menceritakan situasi di tempat lokasi pengembaran) (gangguan internet).

**MA** : Siapakah yang selalu memberi sokongan dan dorongan kepada encik untuk kerjaya encik kini?

**ES** : Yang selalu berikan dorongan *wife* [isteri] saya lah, selain *wife* [isteri] saya ada kawan yang rapat dengan saya lah. Saya ni pun bukan ramai kawan. Selepas itu, *director-director* [pengarah-pengarah] yang lama, yang pernah saya ikut dan kenal saya dari bawah. Banyak lagi lah, abang Hazil, arwah Mamat Khalid, Haikal dan *director-director* [pengarah-pengarah] yang pernah saya ikut, apabila saya sedang mengarah mereka akan bagi semangat. Bila kita jadi pengarah ni, kita akan jadi *anxiety* [nama penyakit], saya takut dengan orang --. Ramai juga lah yang bagi bersama pengarah-pengarah yang pernah saya ikut.

**MA** : Bagaimanakah encik melakukan pemilihan watak pada pelakon untuk melakonkan sesuatu watak dalam drama arahan encik?

**ES** : (meminta mengulang soalan)

**MA** : (soalan diulang)

**MA :** Siapakah yang selalu memberi sokongan dan dorongan kepada encik untuk kerjaya encik kini?

**ES :** Yang selalu berikan dorongan *wife* [isteri] saya lah, selain *wife* [isteri] saya ada kawan yang rapat dengan saya lah. Saya ni pun bukan ramai kawan. Selepas itu, *director-director* [pengarah-pengarah] yang lama, yang pernah saya ikut dan kenal saya dari bawah. Banyak lagi lah, abang Hazil, arwah Mamat Khalid, Haikal dan *director-director* [pengarah-pengarah] yang pernah saya ikut, apabila saya sedang mengarah mereka akan bagi semangat. Bila kita jadi pengarah ni, kita akan jadi *anxiety* [nama penyakit], saya takut dengan orang --. Ramai juga lah yang bagi bersama pengarah-pengarah yang pernah saya ikut.

**MA :** Bagaimanakah encik melakukan pemilihan watak pada pelakon untuk melakonkan sesuatu watak dalam drama arahan encik?

**ES :** (meminta mengulang soalan)

**MA :** (soalan diulang)

**ES :** Biasanya kalau buat pemilihan itu, kadang-kadang saya ada *casting* [proses pemilihan pelakon tertentu]. Kalau tiada *casting* [proses pemilihan pelakon tertentu], biasanya kita akan tahu *hero* dan *heroin* [watak utama lelaki dan perempuan] tu macam mana. Biasanya sama ada kita buat pemilihan tiga orang dan *decide* [membuat keputusan] bersama stesen. Itu kalau kita tahu yang dia boleh berlakon. Tetapi katakanlah macam kita tidak pernah bertegur dengan pelakon itu ataupun tidak pernah tengok dia berlakon ke danhendak jadikan watak itu. Biasanya kita akan buat *casting* [proses pemilihan pelakon tertentu], saya akan menyuruh membuat monolog [ton suara, ekspresi dalam macam sedih ke gembira ke, menunjukkan pelbagai reaksi]. Kemudian, *align movement* [melakonkan tanpa dialog]. Kalau saya tersenyum, bermakna saya faham. Apabila dia buat, kalau dia faham apa yang dia buat, dia adalah pelakon dan sesuai mengikut watak yang dinginkan (menerangkan situasi ketika kejadian).

**MA** : Encik telah lama mengarah, sudah semestinya encik telah menemui ramai pelakon. Siapakah pelakon encik kagumi dan mengapa?

**ES** : Pelakon yang saya kagumi, kebanyakannya pelakon lama lah. Contohnya, Eman Manan. Abang Eman Manan ni dia ada karisma, selepas itu dia seorang lelaki yang betul lelaki dan selepas itu dia selalu buat *research* [selidik mengenai sesuatu watak] dan pandangan dia lebih kepada melayu. Selepas itu, abang Wan Hanafi Su. Dia juga lebih kurang sama dengan abang Eman, maksudnya dia dari segi reaksi dalaman, dia dapat rasa, walaupun dia tengah jalan sahaja kita dapat rasa. Biasanya pelakon lama lah. Kalau pelakon lama tu memang saya *respect* [hormat] habis lah. Sebab mereka ada rasa.

**MA** : Adakah encik mempunyai *team* [pasukan] sendiri atau menggunakan *team* [pasukan] produksi televisyen?

**ES** : (meminta mengulang soalan)

**ES** : Dahulu memang saya ada *team* [pasukan] --. Apabila kita --. Tetapi kalau contohnya *assistant director* [pembantu pengarah] mungkin dia ambil *job* [kerja] lain --. Biasanya, semasa awal 2016, saya memang suka menggunakan *team* [pasukan] sendiri, tetapi selepas itu susah kita hendak kumpulkan semula, so [jadi] kalau saya hendak ambil *art director* [pengarah seni] atau --, saya akan pilih. Maksudnya boleh ke orang lain ambil alih --. (gangguan internet terputus)

**MA** : Apakah perkara atau tugas yang paling penting sebelum mengarahkan sesuatu drama?

**ES** : (Gangguan internet terputus waktu permulaan). Kita ada rasa minat untuk membuat sesuatu cerita itu, jadi kita perlu bincang tema, pemilihan pelakon, *location-location* [lokasi-lokasi]. Selepas itu, dia punya *costume* [busana pelakon-pelakon] kena dengan kita punya konsep. Yang paling penting konsep.

**MA** : Pernahkah encik merasa putus asa dalam mengarah sesuatu drama? Mengapa?

**ES** : Pernah. Kalau kita putus asa itu, bila berlakunya, contohnya dari segi *budget* [belanjawan]. Ada setengah *production* [produksi] ini, contohnya kita hendak gah, cerita itu hendak gah tetapi tidak mahu keluar modal (menerangkan situasi). Kalau masalah itu akan kesan pada *director* [pengarah]. Apabila *meeting* [mesyuarat] dengan stesen, ada *scene* [adegan] kereta mewah, rumah besar tetapi tidak cukup *budget* [belanjawan] (menerangkan situasi ketika kejadian). Cuma itulah masalahnya dari segi *budget* [belanjawan] sahaja.

**MA :** Soalan seterusnya, apakah persepsi yang diterima oleh encik berkenaan drama yang pernah diarahkan oleh encik?

**ES :** Sebenarnya, apa yang drama saya buat, sebenarnya bila tengok rasa macam segan. Lagi satu, saya rasa malu lah tengok drama sendiri (ketawa). Kalau balik kampung, contohnya, kalau drama itu tiba-tiba keluar itu. Mereka berkata, “eh drama ini suka lah”. Kemudian saya rasa macam, alamak segan lah (malu). Tetapi, ada satu cerita ini, saya tidak ingat cerita apa lah. Kemudian, ada satu makcik ini dia berkata kepada saya, “eh! ini lah director yang buat cerita tu --“. Kemudian, dia bertanya lagi “engkau ke yang buat cerita itu?”. Kemudian saya menjawab, “hah! Aku lah yang buat”. -- Memanglah apabila kita tengok cerita itu, bagi saya kita tidak merasa betul- betul berpuas hati (tidak berpuas hati) --. Maksudnya, anak saya, isteri saya akan *review* [semakan] dahulu, untuk saya tengok *feedback* [maklum balas] mereka. Kalau mereka gelak (ketawa) nanti saya tanya “eh okay ke okay ke?” (ketawa). Anak-anak akan tanya, “macam mana ayah buat macam ni?”. Itu bagi saya sudah bagus (bangga). Kalau ikut diri sendiri memang saya berasa tidak puas lah.

**MS :** Pernahkah encik menolak permintaan mana-mana produksi untuk mengarahkan drama? Mengapa?

**ES :** Pernah saya menolak, tetapi disebabkan *clash* [bertembung] dengan *date*[tarikh]. Itu perkara biasa. Selepas itu, saya akan menolak sebab saya rasa tidak mampu hendak buat. Apabila kita dapat skrip, contohnya pergi *meeting* [mesyuarat] dan melibatkan kos yang tinggi dan --. *So* [jadi], saya akan beritahu dengan *production* [produksi] itu “kita tidak mampu nak buat”.

**MA :** Apakah pencapaian encik dalam bidang seni hiburan ini?

**ES :** Pencapaian saya, saya dapat Anugerah DFKL [Drama Festival Kuala Lumpur], Anugerah Skrin dengan Anugerah Telenovela. Itu sahaja lah. Selepas itu, saya dapat mengarah di Pakistan dengan Indonesia.

**NA :** Cerita apa yang encik mengarah di Pakistan dan Indonesia itu?

**ES :** Di Pakistan, saya mengarah cerita ‘Sara Sajeeda’. Shooting di sana, ada dua *director* [pengarah] terlibat. Semasa itu, di sana sepatutnya 3 bulan buat, tetapi masa sudah lari, jadi kita panjangkan lagi. Maksudnya, dalam masa 3 bulan saya buat, semasa itu ada 30% lagi. Kemudian, kita mengganti *director*[pengarah]. Selepas itu, di Indonesia, semasa itu drama ‘Dia’ dan ada 60 episod.

**MA** : Apakah pencapaian encik dalam bidang seni hiburan ini?

**ES** : Pencapaian saya, saya dapat Anugerah DFKL [Drama Festival Kuala Lumpur], Anugerah Skrin dengan Anugerah Telenovela. Itu sahaja lah. Selepas itu, saya dapat mengarah di Pakistan dengan Indonesia.

**NA** : Cerita apa yang encik mengarah di Pakistan dan Indonesia itu?

**ES** : Di Pakistan, saya mengarah cerita ‘Sara Sajeeda’. Shooting di sana, ada dua *director* [pengarah] terlibat. Semasa itu, di sana sepatutnya 3 bulan buat, tetapi masa sudah lari, jadi kita panjangkan lagi. Maksudnya, dalam masa 3 bulan saya buat, semasa itu ada 30% lagi. Kemudian, kita mengganti *director*[pengarah]. Selepas itu, di Indonesia, semasa itu drama ‘Dia’ dan ada 60 episod.

**MA** : Adakah encik berpuas hati terhadap pencapaian dan prestasi encik sepanjang menjadi seorang pengarah?

**ES** : Waktu itu saya berasa memang tidak berpuas hati, sebab kalau boleh kita hendak yang terbaik. Sebab dalam bidang ini, kita bukan setakat itu sahaja. Kita masih boleh naik keatas lagi. Jadi kita perlu sentiasa upgrade [memajukan]. So [jadi], perlu sentiasa *upgrade* [memajukan] !

**NA** : Perlu sentiasa *improve* [perbaiki] lah maksud encik.

**ES** : Ya! Perlu sentiasa *improve* [perbaiki]. Kita perlu buat yang terbaik. Sebab benda yang kita perlu fikir adalah yang terbaik.

**MA** : Apakah perancangan atau projek terbaru encik?

**ES** : Untuk perancangan, sekarang ini saya sedang mengarah drama ‘Bukan Lelaki Yang Terhebat’. Slot Samarinda, yang akan ditayangkan di TV3, bulan depan tidak silap saya. Pelakonnya Adam Lee denga Sweet Qismina.

**MA&NA** : Adam Lee! (teruja) (ketawa)

**ES** : Sudah 5 hari ini. Sebab itu, hari itu ada meeting [mesyuarat] nya, dengan bacaan skrip nya, dengan shooting [pengembalaan] nya! Terpaksa tangguh hari itu!

**NA** : Tidak mengapa encik Eoon. Saya pula berasa serba salah sebab macam menganggu encik Eoon. Selalu Whatsapp encik Eoon.

**ES** : Alah! Tiada apa pun. Biasa sahaja. Cuma masa itu sahaja lah. Haritu saya perlu pulang ke Perak sekejap.

**MA** : Sampai bilakah encik mahu meneruskan karier dalam bidang pengarahan ini?

**ES** : Kalau ikutkan, sampai saya masih bernyawa. Selagi saya masih bernyawa, selagi itu saya akan terus mengarah ini. Kerana mengarah ini sudah menjadi darah daging [menerangkan sesuatu kerja atau perkara yang sudah sering kali dilakukan] saya.

**NA** : Sudah sebat! [sukar untuk dipisahkan]

**ES** : Betul! Sudah sebat [sukar untuk dipisahkan]. Kecuali kalau saya sudah tidak mampu, jalan pun sudah tidak boleh, itu saya tidak boleh berbuat apa-apa lah. Selagi mampu, saya akan buat.

**NA** : In Shaa Allah!

**NA** : Banyak lagi soalan sebenarnya encik Eoon. Encik Eoon masih boleh ke?  
(ketawa)

**ES** : Okay sahaja! Tiada masalah.

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5 - PENDAPAT DAN PANDANGAN**

**NA :** Baik, kita teruskan untuk soalan mengenai pendapat dan juga pandangan.

**NA :** Bolehkah kami tahu apakah perbezaan Anugerah Drama Rantaian Terbaik, Anugerah Drama Terbaik dan juga Anugerah Drama Telenovela? Apakah perbezaan ketiga-tiga itu?

**ES :** Kalau Anugerah DFKL [Drama Festival Kuala Lumpur], ianya lebih kepada TV3 punya drama. Maksudnya, antara TV3 punya drama. Itu adalah drama terbaik. Untuk Anugerah Skrin, keseluruhan drama yang dekat TV [Televisyen]. Untuk Anugerah Drama Telenovela, dia adalah drama yang diadaptasi daripada novel. So [jadi], itu perbezaannya.

**NA :** Bagaimanakah encik ingin memastikan bahawa drama atau filem yang bakal encik arahkan selepas ini mampu mendapat anugerah seperti ini lagi?

**ES :** Benda itu, bagi saya Tuhan sudah takdirkan. Tetapi apa pun, *teamwork* [kerja berpasukan] itu penting, *skrip* itu pun penting. Kalau untuk hendak menghasilkan *rating* [skala penilaian] yang tinggi, skrip, pelakon, dan *team* [pasukan]. Itu perlu bersatu hati. Apabila ada tiga perkara ini, pasti akan berjaya.

**NA :** Baik! Sepanjang kerjaya encik sebagai seorang pengarah, apakah aspek yang dititikberatkan oleh encik untuk mencapai kejayaan?

**ES :** (meminta untuk mengulang soalan)

**NA :** (soalan diulang kembali)

**ES :** Pada saya, disiplin lah. Selepas itu kita perlu menjaga masa. Maksudnya, perlu datang *on time* [tepat masa]. Selepas itu hormat kepada orang bawah.

**NA :** Sebagai seorang pengarah, apakah prinsip yang dipegang oleh encik?

**ES :** Prinsip yang dipegang, kita perlu yakin diri. Selepas itu, jangan sampai orang memijak kepala. Maksudnya, perlu ada batas.

**NA :** Baik, bagaimanakah idea encik tercetus dalam mengarah sesebuah drama atau filem?

**ES :** Idea ini, dia kadang-kadang datang secara spontan. Contohnya, apabila kita sedang membaca skrip itu, kita akan mendapat idea. Selepas dapat idea itu, apabila meeting [mesyuarat] itu, kita akan beritahu. Kadang-kadang, semasa itu juga idea lain pula datang.

So [jadi], kita perlu pegang satu sahaja. Selepas itu, apabila di *set* [tempat pengembaraan], idea yang sebenar adalah di *set* [tempat pengembaraan]. Maksudnya, apabila sampai di *set* [tempat pengembaraan], kita tengok tempat itu, kadang-kadang itu automatik boleh dapat idea lain. Maksudnya, lagi cantik dari idea asal. Pernah juga, apabila kita tidak dapat idea itu, kita perlu *relax* [tenang]. Kalau saya, berdoa sahaja (menerangkan ayat doa). Doa dengan Allah sahaja, In Shaa Allah, Allah akan bantu. Kalau sudah kusut [serabut] sangat kan, kita akan dapat idea itu. Allah akan bantu.

NA : In shaa Allah. Baik. Bagaimanakah encik ingin memastikan bahawa setiap watak itu berjaya dilakonkan oleh setiap pelakon dalam sesebuah drama?

ES : Biasanya, pelakon itu dia tengah *acting* [berlakon] ke apa kan, biasanya saya akan *rehearsal* [raptai] dahulu, kemudian saya akan beritahu dialognya begini. Selepas itu, apabila tengah *shoot* [pengembaraan] itu. Kalau rasa itu ada, maknanya kita boleh. Biasanya, kita boleh rasa lah. Kalau rasa itu tiada, maksudnya macam tidak boleh pergi, selepas itu kelebihan director itu dia boleh merasakan. Contohnya macam, "kau ini, hati kau ni ingat lain eh? Kau ada masalah ke", Encik Eoon bertanya. Itu biasanya, kita boleh dapat rasa. Kalau dia ada masalah, beritahukepada dia. Pelakon-pelakon ini, kadang-kadang selalu pendam. Apabila tengok ekspresi muka, mereka ini ada masalah (menerangkan situasi kejadian). Maksudnya, kita boleh dapat rasa lah.

NA : Apakah pandangan dan nasihat encik Eoon tentang artis-artis baharu pada hari ini?

ES : Artis baharu zaman sekarang, kebanyakannya dia tiada ilmu dan kefahaman. Yang ada hanya, fizikal. Maksudnya, yang ada cuma cantik dan followers [pengikut yang banyak]. Itu sahaja yang saya nampak lah. Tetapi, untuk dalaman, ilmu lakonan kebanyakannya tiada. Selepas itu, *respect* [hormat] pada pelakon lama dengan *director* [pengarah] itu mereka tiada. Itu yang saya nampak. Tidak boleh nak menyalahkan mereka juga. Mungkin mereka tidak faham. Sebab, kalau pelakon dahulu, dia mendengar arahan sahaja. Pelakon zaman sekarang, tidak boleh cakap. Pelakon sekarang dia blah [pergi dengan sendiri] sahaja --. Kemudian akan viral [tular dengan sangat pantas]. Kalau pelakon dahulu, dia *respect* [hormat], dia takut hendak lari ke hendak balik dia akan takut. Dia ada tanggungjawab yang bersungguh-sungguh. Kalau kata dia tidak boleh ke, atau selalu kena marah, dia akan habiskan drama itu selepas itu dia tidak mahu berlakon. Dia *surrender* [berserah diri]. Tetapi, pelakon baharu kebanyakannya sensitif, tidak boleh ditegur. Terbalik dengan sekarang ini.

Dari segi saya, bila saya cakap dengan pelakon baharu ini, saya sejenis macam ini [perwatakan diri]. Tetapi apabila saya explain dekat dia, saya cakap lepas sahaja lah. Saya bertanya, “engkau apa tujuan jadi pelakon, macam mana kau boleh jadi pelakon? Kau tahu tak apa itu pelakon?”. Kadang baharu itu --. Kadang-kadang, pelakon lama mengadu “pelakon itu tidak hormat langsung lah dengan orang tua”. Jadi kita tengok lah --. Kemudian saya akan bertanya semula “macam mana kau boleh jadi pelakon? kenapa kau jadi pelakon, kau tahu tak apa itu pelakon, apa tujuan kau jadi?”. Saya akan bercakap terus -- “saya rasa kalau cara kau macam ini, kau tidak payah menjadi pelakon --”. So [jadi], dia akan terasa. Kemudian dia bertanya “abang, kenapa abang cakap macam ini, saya tidak boleh berlakon ke bang?”. So [jadi], saya akan jelaskan apa itu pelakon. Kalau dia tidak faham, saya akan beritahu (menerangkan contoh penerangan beliau semasa hari kejadian). Kalau pelakon budak pula, budak ini perlu dijaga, sebab budak akan *recall* [mengingati] lama. Maksudnya kalau dia kenal pelakon itu, kalau pelakon itu sompong dengan dia, sampai ke tua dia akan ingat. Sebab itu kita perlu jaga budak, hormat budak, layan budak itu sebab nanti apabila sudah besar dia akan cakap “dulu pelakon itu memang baik orangnya”. Itulah keberkatan. Kalau dia faham, selepas itu dia akan buat. Ramai juga pelakon - pelakon yang boleh mendengar kata.

NA : Apakah cek dan baki yang perlu dilakukan semasa menguruskan belanjawan bagi sesebuah drama atau filem? Maksudnya, macam mana encik Eoon uruskan belanjawan bagi memulakan sesuatu drama itu? Macam mana pula dapatkan bajet itu?

ES : Belanjawan itu, kita akan tengok dari skrip. Dengan skrip itu, kita boleh sudah membayangkan lokasi, set [tempat pengembaraan sesebuah drama], pelakon. Contohnya, kalau dalam cerita itu ramai watak. Apabila kata ramai watak, mesti budget [belanjawan] nya tinggi. Selepas itu, set [tempat pengembaraan sesebuah drama]. Contohnya, kalau melibatkan pelakon extra [tambahan]. Contohnya, scene [adegan] selalu gaduh sahaja. Budget [belanjawan] nya tinggi lah. Apabila sudah tengok skrip semua, nama watak, pelakon, lokasi-lokasi. Apabila kita sudah mengasingkannya. Kita akan nampak nilai disitu. Kalau kita tengok nilai yang baharu, nampak itu ”ni besar ini budget dia, kalau kata RM1000 tak cukup” (reaksi encik Eoon). So [jadi], kita perlu ada perbincangan dengan producer [penerbit] dengan director [pengarah]. Maksudnya, kita akan mengubah semula skrip. Maksudnya kita akan kurangkan. Contohnya, jangan terlalu banyak *extra* [pelakon tambahan], jangan terlalu banyak pelakon, jangan terlalu banyak *location* [lokasi]. So [jadi], perlu atur sebaik-baiknya.

**NA** : Pada pendapat encik Eoon, sejauh manakah perkembangan industri perfileman di Malaysia?

**ES** : Industri filem di Malaysia ini boleh pergi, jauh lagi. Tetapi penonton atau rakyat Malaysia ini, mereka menganggap cerita itu adalah benar. Kita ini sensitif sangat. Kita tidak seperti negara lain. Negara lain menganggap cerita itu sebagai hiburan. Kemudian, kita ini tidak faham maksud cerita itu. Ini hanyalah cerita sahaja. Dia tiada kena mengena hidup mati. Tetapi kita ini sensitif. Orang kita ini, ini tidak boleh, itu tidak boleh, benda ini tidak logik lah. Kalau cerita luar, kenapa dia tidak perasan ini logik atau tak logik. Sebab rakyat kita ini, apabila tengok cerita luar, bukan tengok kesilapan. Tetapi dia tengok cantik nya pelakon ini, elok dia, kulit dia, baju dia, mata dia semua lah. Sebab dia tidak tengok kesilapan. Tetapi, apabila dia tengok cerita kita, mereka banyak mengkaji kesilapan. Dia bukan tengok sebagai hiburan. Dia mencari salah orang sahaja. So [jadi], itu yang nampak salah sahaja. Sebenarnya, kalau kata kita sebagai penglipur lara [penggiat seni] ini, kita perlu lebihkan penonton jangan penonton lebihkan kita. Maksudnya perlu berjaga-jaga hendak membuat sesuatu itu. Maksudnya, jangan sampai penonton asik [selalu] *blame* [menyalahkan] kan kita apa yang silap. Baru lah kita boleh pergi jauh.

**NA** : Soalan cepumas untuk encik Eoon. Adakah encik tidak mahu melibatkan diri dalam bidang lakonan? Seperti Jackie Chan yang mengarahkan filem sendiri dan pada masa yang sama beliau berlakon dalam filem arahan beliau?

**ES** : Kalau hendak jadi pelakon, pengarah dan buat *stunt* [aksi] apa semua kan. Sebenarnya, orang kenal saya sebagai seorang pengarah itu satu. Satu lagi -- . Bagi saya, saya *respect* [hormat] kalau seorang pengarah dan pelakon dan boleh buat cerita itu dengan aksi memang terbaik lah! Tetapi sebenarnya susah benda itu. Sebab kita sendiri pun, kalau dia mengarah, dia berlakon, dia buat *stunt* [aksi], maksudnya cerita saya itu tidak boleh pergi dengan cerita-cerita lain. Tidak ada bezanya. Sebab, dia rasa itu lain. Tetapi kalau katakan lah dia boleh, contohnya macam Syamsul. Syamsul ini dia boleh mengarah, boleh berlakon dan dia buat kamera, maksudnya dia -- dan dia *editing* [sunting]. Tetapi karenah [ragam] dia banyak lah, orang sekeliling pun dia akan jadi susah hendak faham. Benda itu boleh buat, tetapi agak sukar. Dia banyak karenah [ragam] lah.

- NA** : Baik, siapakah pengarah yang menjadi idola encik di Malaysia ini?
- ES** : Sekarang?
- NA** : Ya, sekarang!
- ES** : Syamsul Yusof lah! (ketawa). Itu adalah pengarah yang saya minati dan sayarespect [hormat] dan saya pernah mengarah dia berlakon dan saya sendiri pun terkejut dia boleh terima arahan itu kan. Cerita drama sahaja, macam drama raya dan saya *respect* [hormat] dia dan itu idola saya lah. Ada lain juga, tetapi sudah meninggal lah. Contohnya, Mamat Khalid, Amar Raja sudah tiada lah. Sudah meninggal lah. Tetapi yang masih ada sekarang ini, Syamsul Yusof lah.
- NA** : Pada pendapat encik, apakah nasihat yang boleh disampaikan kepada mereka yang ingin menceburi dunia hiburan?
- ES** : Nasihat saya. Hendak menceburi dunia hiburan ini maksudnya tidak kira lah berlakon ke, mengarah ke apa ke, yang penting dalam bidang penggiat seni ini, dia punya seni itu adalah halus tetapi jangan lah kotorkan dan masukkan benda-benda lain supaya dia jadi boleh nampak. Sebab dia halus sahaja. Kalau masukkan benda yang tidak sepatutnya, dia tetap akan nampak juga benda itu. So [jadi], dia kena faham, benda itu adalah keikhlasan. Ikhlas itu ada tetapi tidak nampak, seni itu ada tetapi halus. Selepas itu, dia perlu faham, kefahaman watak atau pun apa itu, boleh dikatakan macam kalau kita belajar agama ini dia adalah Tassawur. Ilmu Tassawur ini maksudnya ‘akhlik’ kan, maksudnya kita perlu tahu berlakon berbagai-bagai, maksudnya kena peka. Baru boleh *maintain* [kekal] dalam bidang ini lah. Itu sahaja.
- NA** : Seperti yang encik Eoon tahu, zaman sekarang ini banyak -- ataupun *website* [laman web] yang menawarkan filem-filem atau drama cetak rompak. Jadi pada pendapat encik Eoon, bagaimanakah ingin mengatasi masalah penonton yang masih terjebak dengan cetak rompak ini?
- ES** : Cetak rompak ini, bagi saya sebenarnya orang atasan punya kerja lah. Maksudnya, bukan kita yang perlu bising, maksudnya kalau kita ini bising pun tak menjadi apa. Maksudnya, orang atas ini kena bergerak dengan ikhlas dan jangan lah ambilrasuah. Selagi ada rasuah, apa pun tidak dapat. Tidak boleh hendak cakap apa.(ketawa)
- NA** : Betul, saya setuju! (ketawa)
- ES** : Kunci nya rasuah itu sahaja.

#### TAMAT BAHAGIAN 5

## **BAHAGIAN 6 – SUMBANGAN**

- NA :** Baik encik, kita akan beralih ke soalan sumbangan pula.
- MA :** Apakah sumbangan yang encik pernah berikan sepanjang berkhidmat sebagai seorang pengarah?
- ES :** Pernahlah macam saya buat program untuk FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional]. Itu sahaja lah. Tidak banyak sangat lah.
- MA :** Drama ‘Love You Mr Arraogant’ telah memenangi pelbagai Anugerah seperti Anugerah Drama Rating Tertinggi, Anugerah Drama Terbaik dan kerana drama tersebut juga, encik telah mendapat Pencalonan bagi Pengarah Terbaik, dan telah mendapat sebanyak 4.6 juta penonton, jadi apakah perasaan encik mengenai hal ini?
- ES :** Bagi saya macam dah jawab soalan ini?
- MA :** Belum
- ES :** (meminta mengulang soalan)
- ES :** Perasaan saya itu suka, seronok itu memang ada. Tetapi, apabila cerita itu meletup ataupun banyak pujian. Sebenarnya apabila banyak pujian ini, saya perlu berhati-hati, sebab banyak pujian itu jika dibuang “p” ia akan menjadi ujian (ketawa). Jadi perlu berhati-hati, kalau ikutkan hati memang saya suka lah, saya *happy* [gembira] lah kan.
- MA :** Apakah pengalaman yang encik boleh kongsikan sepanjang pengembaraan drama tersebut?
- ES :** Pengalaman itu banyak, contohnya *scene* [adegan] -- melibatkan *actor* [pelakon] Azlee Khairi dan --. Watak dia memakai kereta hammer [nama kereta], dan bapa dia watak garang memakai kereta besar. Itu semua saya tidak ikut skrip, yang saya ikut skrip adalah BMW [nama kereta], so [jadi] masa saya nak dapatkan pemilihan itu, *producer* [penerbit] berkata “oh ini *budget* [belanjawan] tinggi ini, kalau nak pakai kereta ini”. Semasa itu, *producer* [penerbit] pun orang baharu masa itu. Jadi pemilihan kereta itu adalah saya dapat pemilihan kereta yang tidak sesuai. Maksudnya, kereta pun macam kereta perempuan -- untuk bapa-bapa --. Apabila keadaan itu susah untuk hendak dapatkan harga yang murah, alhamdulillah Dato' Izzuddin ini, bos kepada -- dia ada kereta-kereta itu.

*So [jadi], jadi mudahlah. Apabila tengok, ketiga-tiga itu dia ada, jadi bagi saya, saya rasa “oh apa yang aku nak ada”, Allah mudahkan. Selepas itu, dari segi pelakon-pelakon, pemilihan pelakon-pelakon itu saya happy [gembira] sangat. Apabila sudah edit [sunting] semua, baru kita perasan semua muka macam muka filem hindustan lah (ketawa). Saya suka, pelakon semua hebat.*

**MA** : Bagaimana encik boleh mendapat idea untuk mengambil novel bertajuk ‘Love You Mr Arrogant’ ini untuk dijadikan sebagai sebuah drama?

**ES** : Semasa itu, pemilihan novel ini lebih kepada producer [penerbit]. First sekali [pertama sekali], penerbit akan berbincang dengan *distributor* [pengedar] novel, dia akan *suggest* [mencadangkan] kan, mana novel yang popular ataupun yang tidak popular. So [jadi], apabila penerbit dapat novel itu, dan dia berkata “cerita ini boleh pergi, boleh diadaptasikan”. So [jadi] dia hantar proposal ke stesen, dan stesen bersetuju menerima novel ini dijadikan adaptasi. Apabila pemilihan *director*[pengarah] pula, penerbit dan stesen akan pilihkan *director* [pengarah] dan apabila sampai dekat saya, pada awalnya itu, tajuk itu perlu tukar sebab dia bukan bahasa Melayu, sebab dia bahasa English, jadi tidak sesuai untuk cerita melayu tajuk English. Tetapi bagi saya, saya tetap hendak tajuk itu sebab bagi saya *arrogant* [sombong] bukan untuk watak sahaja tetapi cerita ini memang kena [sesuai] dengan tajuk ini. Tidak payah tukar sudah. Konflik dia ada. Kalau menjadi bahasa Melayu menjadi macam tidak *best* [seronok]. Jadi, kita menggunakan tajuk bahasa English tetapi cerita melayu. Akhirnya, stesen terima lah benda itu. Kalau ikutkan, kita juga ada isu lagu. Contohnya, kalau lagu untuk TV [Televisyen], bahasa Indonesia tidak boleh. Sama juga, maksudnya setiap apa yang kita buat, kita perlu melalui daripada Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau bahasa Melayu itu, Melayu sahaja tidak boleh campur-campur. Tetapi untuk ‘Love You Mr Arrogant’ adalah satu eksperimen yang baharu, tajuk menggunakan bahasa English, dan konsep kita adalah bersahaja. Maksudnya daripada tajuk yang bersahaja itu dapat *effect* [memberi kesan kepada penonton].

**MA** : Pada umur berapakah encik telah mendapat Anugerah Pengarah Terbaik buat kali pertama?

**ES** : Saya dapat anugerah itu selepas saya buat 5 drama, maksudnya umur saya tadi 34 tahun, lebih kurang 35 tahun dalam tahun yang sama

**MA** : Apakah sumbangan yang encik ingin sumbangkan bagi meningkatkan kualiti dan memperkenalkan lagi drama atau filem tempatan ke persada dunia?

**ES** : (meminta untuk mengulang soalan)

**MA** : (soalan diulang)

**ES** : Kalau kita hendak buat sesuatu, contohnya filem. Kita kena fikirkan filem itu bukan kita yang tengok, bukan keluarga kita yang tengok, bukan Malaysia yang tengok dan kita letakkan dunia yang tengok. Dekat pemikiran kita, dunia yang tengok. Apabila dunia yang tengok, apa yang kita perlu buat, kalau kata kita hendak lawan dengan cerita luar negara, Asean, Hindi apa semua tetapi kita tidak berkemampuan. Tetapi dengan adanya budaya, kita tunjuk kita punya *culture* [budaya] kita sebab dengan budaya kita ketengahkan, filem kita boleh pergi jauh. Maksudnya, orang luar sebenarnya hendak tengok budaya kita. Tidak boleh hendak tunjuk macam kita hendak buat *action* [aksi] apa semua, mereka lagi hebat. Tetapi filem kita perlu ada budaya kita. Jangan budaya mereka, kalau budaya mereka itu mereka sudah tengok, mereka sudah tahu. Mereka nak tengok budaya kita, kalau buat cerita hantu pun, kena *culture* [budaya] kita, hantu kita. Kalau hantu luar, mereka tidak hairan. Yang pentingnya adalah kita punya budaya.

#### **TAMAT BAHAGIAN 6**

## **BAHAGIAN 7 - PESANAN DAN HARAPAN**

**NA :** Ini adalah antara kategori soalan terakhir. Apakah harapan encik setelah tiga (3) drama yang encik arahkan iaitu drama ‘Love You Mr Arrogant’, ‘Hidayahmu Ramadhan’ dan ‘Bahagia Bukan Bidaan’ telah mendapat Anugerah Drama Terbaik? Jadi apakah harapan encik setelah mendapat ketiga-tiga Anugerah Drama Terbaik ini?

**ES :** Harapan saya, untuk drama saya akan datang, boleh diterima penonton. Selepas itu, boleh adanya kejayaan lagi. Kalau boleh, apa yang saya buat pada drama itu, saya rasa macam boleh pergi, kalau boleh lebih, hendak berjaya sampai ke negara besar boleh terima

**NA :** Apakah pesanan kepada penonton Malaysia yang selalu mengkritik industri filem Malaysia?

**ES :** Penonton kita ini, biasanya ada tujuan juga. Mereka ini mengkritik kita punya filem atau drama bagi saya kalau tiada mereka, maksudnya tiada pengkritik ini kita tidak akan nampak kesilapan kita. Apabila ada pengkritik ini, kita nampak kesilapan kita, tetapi kita janganlah terasa pula. Terima dengan positif dan sentiasa bersangka baik. Sebab penonton kita memang begitu (ketawa). Bagi saya ada baiknya, tetapi kita tidak boleh nak marah, tidak boleh nak *badmood* [marah] apa semua. Kena bersikap terbuka. *So [jadi]* kita kena terima. Kalau tiada kritikan, dia akan menjadi macam misteri pula. *So [jadi]*, benda itu penting bagi saya.

**NA :** Apakah harapan encik terhadap industri filem Malaysia?

**ES :** Harapan industri filem Malaysia, memang hendak dapatkan filem kita berkembang jauh. Selepas itu, bagi lah peluang kepada pengkarya atau orang yang baru yang ada idea dan ada kreativiti. Maksudnya, yang penting kreatif bukan inovatif. Masuk dalam bidang penggiat seni ini dia bukan inovatif tetapi kene kreatif dan bagi peluang kepada mereka, kalau boleh buatlah sampai biarlah dunia yang tengok. Kita bagi peluang kepada mereka.

**NA :** Apakah pesanan encik kepada generasi muda masa kini terutama kepada para pelajar?

**ES** : Pesanan saya, kepada sesiapa yang berminat untuk bidang ini, teruskan. Seperti yang saya katakan tadi, jadilah kreatif itu tadi jangan inovatif. Maksudnya kalau kita hendak buat sesuatu seni ini, kita kena kreatif, maksud kreatif itu kita jangan ciplak [meniru] orang lain punya. Maksudnya kita lakukan apa yang ada dalam hatikita. Jangan jangan tiru apa yang orang lain dah buat, seperti tiada identiti. Carilah identiti kita sendiri untuk menghasilkan karya kita sendiri. Itu sahaja.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

# **LOG TEMUBUAL**

## LOG TEMUBUAL

Nurul Alis dan Mariah Asyikin telah menemubual Encik Eoon bin Shuhaini, yang dilahirkan pada 1977, di Perak. Temubual ini dijalankan pada tarikh 9 Julai 2022 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 9 malam sehingga 12 pagi dalam talian di platform Google Meet. Temubual ini adalah mengenai pengalaman kerjaya beliau sebagai seorang pengarah dalam industri hiburan pada tahun 2007 hingga kini.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
0.08.00	Tokoh memperkenalkan nama penuh beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nurul Alis binti Raman@Sharif</li><li>• Universiti Teknologi Mara</li><li>• Kelantan</li><li>• Mariah Asyikin binti Abd Rahman</li><li>• Eoon Shuhaini</li><li>• Google Meet</li></ul>
0.08.45	Tokoh menceritakan latar belakang diri kepada penyelidik.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nurul Alis binti Raman@Sharif</li><li>• Universiti Teknologi Mara</li><li>• Kelantan</li><li>• Eoon Shuhaini</li><li>• Google Meet</li></ul>

**BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG KELUARGA, PASANGAN DAN ANAK-ANAK**

0.18.37	Tokoh mula menceritakan mengenai latar belakang keluarga beliau.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nurul Alis binti Raman@Sharif</li> <li>• Universiti Teknologi Mara</li> <li>• Kelantan</li> <li>• Eoon Shuhaini</li> <li>• Google Meet</li> </ul>
---------	--	--

**BAHAGIAN 3: SEJARAH PENDIDIKAN KANAK-KANAK, SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENENGAH, INSTITUSI**

0.35.35	Penyelidik bertanya soalan mengenai sejarah pendidikan kanak-kanak, sekolah rendah, sekolah menengah, dan institusi kepada tokoh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nurul Alis binti Raman@Sharif</li> <li>• Universiti Teknologi Mara</li> <li>• Kelantan</li> <li>• Mariah Asyikin binti Abd Rahman</li> <li>• Eoon Shuhaini</li> <li>• Google Meet</li> </ul>
0.35.45	Tokoh memulakan penceritaan beliau mengenai sejarah pendidikan kanak-kanak, sekolah rendah, sekolah menengah serta institusi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nurul Alis binti Raman@Sharif</li> <li>• Universiti Teknologi Mara</li> <li>• Kelantan</li> <li>• Mariah Asyikin binti Abd Rahman</li> <li>• Eoon Shuhaini</li> <li>• Google Meet</li> </ul>

#### **BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA**

